JUZU' KE-26
SURAH
AL-HUJURAT

SURAH KE	سُورَةُ الحُجُرَات	JUMLAH AYAT
49	**SURAH AL-HUJURAT**	18

سُورَةُ الحُجُرَات

SURAH AL-HUJURAT

Surah Bilik-bilik

(Madaniyah)

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تُقَدِّمُواْ بَيْنَ يَدَيِ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ۖ
وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ١

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَرْفَعُوٓاْ أَصْوَٰتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ
ٱلنَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُواْ لَهُۥ بِٱلْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ أَن
تَحْبَطَ أَعْمَٰلُكُمْ وَأَنتُمْ لَا تَشْعُرُونَ ٢

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَغُضُّونَ أَصْوَٰتَهُمْ عِندَ رَسُولِ ٱللَّهِ
أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱمْتَحَنَ ٱللَّهُ قُلُوبَهُمْ لِلتَّقْوَىٰ ۚ لَهُم
مَّغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ عَظِيمٌ ٣

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُنَادُونَكَ مِن وَرَآءِ ٱلْحُجُرَٰتِ أَكْثَرُهُمْ
لَا يَعْقِلُونَ ٤

وَلَوْ أَنَّهُمْ صَبَرُواْ حَتَّىٰ تَخْرُجَ إِلَيْهِمْ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ ۚ وَٱللَّهُ
غَفُورٌ رَّحِيمٌ ٥

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن جَآءَكُمْ فَاسِقٌۢ بِنَبَإٍ فَتَبَيَّنُوٓاْ أَن
تُصِيبُواْ قَوْمًۢا بِجَهَٰلَةٍ فَتُصْبِحُواْ عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ
نَٰدِمِينَ ٦

وَٱعْلَمُوٓاْ أَنَّ فِيكُمْ رَسُولَ ٱللَّهِ ۚ لَوْ يُطِيعُكُمْ فِي كَثِيرٍ مِّنَ ٱلْأَمْرِ
لَعَنِتُّمْ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ حَبَّبَ إِلَيْكُمُ ٱلْإِيمَٰنَ وَزَيَّنَهُۥ فِي
قُلُوبِكُمْ وَكَرَّهَ إِلَيْكُمُ ٱلْكُفْرَ وَٱلْفُسُوقَ وَٱلْعِصْيَانَ ۚ
أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلرَّٰشِدُونَ ٧

فَضْلًا مِّنَ ٱللَّهِ وَنِعْمَةً ۚ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ٨

وَإِن طَآئِفَتَانِ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱقْتَتَلُواْ فَأَصْلِحُواْ
بَيْنَهُمَا ۖ فَإِنۢ بَغَتْ إِحْدَىٰهُمَا عَلَى ٱلْأُخْرَىٰ فَقَٰتِلُواْ ٱلَّتِي
تَبْغِي حَتَّىٰ تَفِيٓءَ إِلَىٰٓ أَمْرِ ٱللَّهِ ۚ فَإِن فَآءَتْ فَأَصْلِحُواْ
بَيْنَهُمَا بِٱلْعَدْلِ وَأَقْسِطُوٓاْ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ ٩

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mendahului Allah dan Rasul-Nya, dan bertaqwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(1). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkatkan suara-suara kamu mengatasi suara Nabi dan janganlah kamu bercakap dengannya dengan suara yang keras sebagaimana kamu bercakap di antara kamu dengan suara yang keras terhadap satu sama lain kerana dikhuatiri gugurnya pahala amalan-amalan kamu, sedangkan kamu tidak sedar(2). Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suara mereka di sisi Rasulullah, merekalah orang-orang yang Allah telah ujikan hati mereka (dan menumpukannya) kepada taqwa. Mereka memperolehi keampunan dan pahala yang besar(3). Sesungguhnya orang-orang yang memanggilmu dari belakang bilik-bilik (kediamanmu) itu adalah kebanyakan dari mereka tidak berfikir(4). Dan sekiranya mereka bersabar sehingga engkau keluar menemui mereka, maka itulah yang lebih baik bagi mereka. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(5). Wahai orang-orang yang beriman! Jika seorang yang fasiq datang menemui kamu membawa sesuatu berita, maka selidikilah (kebenarannya) kerana dikhuatiri kamu mengenakan tindakan yang buruk terhadap sesuatu kaum dengan kejahilan, dan menyebabkan kamu menyesal terhadap tindakan yang telah dilakukan kamu(6). Dan ketahuilah! Bahawa di dalam kalangan kamu ada Rasulullah. Jika Dia menurut kamu dalam kebanyakan urusan tentulah akan menyulitkan kamu, tetapi Allah menjadikan kamu cintakan keimanan dan menjadikan keimanan itu indah di dalam hati kamu dan menjadikan kamu bencikan kekufuran, kefasiqan dan penderhakaan, merekalah orang-orang yang mendapat petunjuk(7). Sebagai limpah kurnia dan ni'mat dari Allah. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(8). Dan jika dua puak dari orang-orang Mu'min berperang, maka damaikanlah di antara mereka. Dan jika salah satu dari kedua puak itu melakukan kezaliman terhadap satu puak yang lain, maka perangilah puak yang

melakukan kezaliman itu sehingga mereka kembali kepada perintah Allah, dan jika mereka kembali, maka damaikanlah di antara keduanya dengan adil dan hendaklah kamu berlaku adil. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang berlaku adil."(9).

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا۟ بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُونُوا۟ خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَآءٌ مِّن نِّسَآءٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ ۖ وَلَا تَلْمِزُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا۟ بِٱلْأَلْقَـٰبِ ۖ بِئْسَ ٱلِٱسْمُ ٱلْفُسُوقُ بَعْدَ ٱلْإِيمَـٰنِ ۚ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّـٰلِمُونَ ﴿١١﴾

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱجْتَنِبُوا۟ كَثِيرًا مِّنَ ٱلظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ ٱلظَّنِّ إِثْمٌ ۖ وَلَا تَجَسَّسُوا۟ وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا ۚ أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَـٰكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَـٰكُمْ شُعُوبًا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓا۟ ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

قَالَتِ ٱلْأَعْرَابُ ءَامَنَّا ۖ قُل لَّمْ تُؤْمِنُوا۟ وَلَـٰكِن قُولُوٓا۟ أَسْلَمْنَا وَلَمَّا يَدْخُلِ ٱلْإِيمَـٰنُ فِى قُلُوبِكُمْ ۖ وَإِن تُطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ لَا يَلِتْكُم مِّنْ أَعْمَـٰلِكُمْ شَيْـًٔا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤﴾

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا۟ وَجَـٰهَدُوا۟ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّـٰدِقُونَ ﴿١٥﴾

قُلْ أَتُعَلِّمُونَ ٱللَّهَ بِدِينِكُمْ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۚ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿١٦﴾

يَمُنُّونَ عَلَيْكَ أَنْ أَسْلَمُوا۟ ۖ قُل لَّا تَمُنُّوا۟ عَلَىَّ إِسْلَـٰمَكُم ۖ بَلِ ٱللَّهُ يَمُنُّ عَلَيْكُمْ أَنْ هَدَىٰكُمْ لِلْإِيمَـٰنِ إِن كُنتُمْ صَـٰدِقِينَ ﴿١٧﴾

إِنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ غَيْبَ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya orang-orang Mu'min itu adalah saudara-saudara. Oleh itu damaikanlah di antara saudara-saudara kamu, dan bertaqwalah kepada Allah agar kamu dikurniakan rahmat(10). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum menghinakan satu kaum yang lain kerana boleh jadi kaum yang dihinakan itu lebih baik dari kaum yang menghina, dan janganlah pula wanita-wanita menghinakan wanita-wanita yang lain kerana boleh jadi wanita-wanita yang dihinakan itu lebih baik dari wanita yang menghina. Dan janganlah kamu mengaibkan diri kamu sendiri dan janganlah kamu panggil memanggil di antara kamu dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk nama ialah nama fasiq sesudah seseorang itu beriman, dan barang siapa yang tidak bertaubat, maka merekalah orang-orang yang zalim(11). Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan prasangka kerana setengah-setengah prasangka itu berdosa. Dan janganlah kamu mengintip dan janganlah kamu mengumpat satu sama lain. Apakah seseorang dari kamu suka makan daging saudaranya yang telah mati? Sudah tentulah kamu jijikkannya. Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Menerima taubat dan Maha Pengasih(12). Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu lelaki dan perempuan dan Kami telah jadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan berbagai-bagai suku supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Pakar(13). Orang-orang Arab Badwi berkata: Kami telah beriman. Katakanlah (kepada mereka): Kamu belum lagi beriman, tetapi katakanlah: Kami telah memeluk Islam kerana keimanan belum lagi meresap ke dalam hati kamu. Dan jika kamu ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya, maka Allah tidak akan mengurangkan sedikit pun pahala amalan kamu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(14). Sesungguhnya orang-orang Mu'min yang sebenar ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya kemudian mereka tidak ragu-ragu dan berjihad dengan harta benda mereka dan jiwa raga mereka demi jalan Allah. Merekalah orang-orang yang sebenar beriman(15). Katakanlah: Apakah kamu hendak memberitahu kepada Allah tentang agama kamu (keimanan kamu) sedangkan Allah mengetahui segala isi langit dan segala isi bumi? Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu(16). Mereka merasa mereka telah berbudi kepadamu kerana mereka memeluk Islam. Katakanlah: Janganlah kamu merasa berbudi kepada aku dengan keislaman kamu itu, malah Allahlah yang telah berbudi kepada kamu dengan memimpin kamu kepada keimanan jika benar kamu beriman(17). Sesungguhnya Allah mengetahui segala sesuatu yang ghaib di langit dan di bumi.

Dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu."(18).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah yang tidak melebihi lapan belas ayat ini adalah satu surah yang amat besar. Ia mengandungi berbagai-bagai hakikat yang agung dan hakikat-hakikat 'aqidah dan syari'at, hakikat-hakikat kewujudan dan insaniyah, iaitu hakikat-hakikat yang membuka matlamat-matlamat yang tinggi dan jauh kepada hati dan akal manusia. Ia menimbulkan berbagai-bagai fikiran yang mendalam dan pengertian-pengertian yang besar di dalam jiwa mereka.

Kandungan surah ini meliputi methodologi-methodologi pembentukan dan penyusunan sebuah alam hidup dan mengandungi asas-asas didikan dan asuhan, juga dasar-dasar perundangan dan bimbingan. Isi kandungannya melebihi saiz surah ini dan bilangan ayat-ayatnya ratusan kali ganda.

Ia mengemukakan dua perkara penting untuk diteliti dan difikir. Perkara pertama yang dikemukakan pada pandangan pembaca ketika membaca surah ini ialah mengemukakan rangka-rangka yang sempurna bagi sebuah alam hidup yang luhur, bersih dan sihat iaitu rangka-rangka yang mengandungi asas-asas, dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang menjadi tapak tegak bagi alam hidup itu, juga menjamin kewujudan dan keselamatannya iaitu sebuah alam hidup yang lahir dari ajaran Allah dan bertawajjuh kepada Allah dan layak dihubungkan dengan Allah S.W.T., sebuah alam hidup yang bersih hati, bersih perasaan dan lidah, sebuah alam hidup yang bersopan santun dengan Allah dan Rasul-Nya, bersopan santun dengan diri sendiri, dengan orang-orang lain dan bersopan santun di dalam perasaan-perasaan dhamirnya dan di dalam pergerakan-pergerakan anggota tubuh badannya. Dan dalam waktu yang sama ia mempunyai undang-undang dan peraturan yang mengatur segala kedudukannya dan menjamin keselamatannya, iaitu undang-undang dan peraturan-peraturan ditegakkan di atas adab sopan itu dan terbit dari adab sopan yang sentiasa selaras dengannya, di mana hati alam hidup ini sama dengan zahirnya. Semua undang-undangnya selaras dengan perasaannya. Semua pendorongnya selaras dengan pengawalan-pengawalannya, semua perasaannya selaras dengan langkah-langkahnya yang bergerak menuju kepada Allah. Kerana itu penubuhan dan keselamatan alam hidup yang luhur, bersih dan sihat ini tidak diserahkan kepada adab sopan dhamir dan kebersihan hati sahaja, begitu juga ia tidak diserahkan kepada undang-undang dan peraturan sahaja malah kedua-duanya bertemu seimbang dan selaras. Begitu juga ia tidak diserahkan kepada perasaan individu rakyat dan tenaga usahanya sahaja sebagaimana ia tidak diserahkan kepada peraturan-peraturan kerajaan sahaja, malah rakyat dan kerajaan bertemu serasi dan bekerjasama dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan dan kegiatankegiatan masing-masing.

Ia adalah sebuah alam hidup yang beradab sopan dengan Allah dan Rasul-Nya di mana seorang hamba mengetahui batas kehambaannya di hadapan Tuhannya dan Rasul yang menyampaikan perintah Tuhannya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تُقَدِّمُواْ بَيْنَ يَدَيِ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦۖ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٞ ١

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mendahului Allah dan Rasul-Nya dan bertaqwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(1)

Maksudnya, seorang hamba Mu'min tidak seharusnya mendahului Allah dalam urusan suruhan atau **'amr** (أمر) atau urusan larangan atau **nahi** (نهي). Ia tidak seharusnya mencadangkan kepada Allah sesuatu keputusan atau hukuman. Ia tidak seharusnya melampaui batas suruhan dan larangan yang telah ditetapkan Allah. Ia tidak seharusnya mempunyai sesuatu kemahuan atau fikiran sendiri di samping perintah-perintah yang telah ditetapkan Allah kerana bertaqwa dan takut kepada-Nya dan kerana malu dan beradab sopan dengan-Nya. Peraturan adab sopan yang khusus telah digariskan untuk bercakap dengan Rasulullah s.a.w. dan menghormatinya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَرۡفَعُوٓاْ أَصۡوَٰتَكُمۡ فَوۡقَ صَوۡتِ ٱلنَّبِيِّ وَلَا تَجۡهَرُواْ لَهُۥ بِٱلۡقَوۡلِ كَجَهۡرِ بَعۡضِكُمۡ لِبَعۡضٍ أَن تَحۡبَطَ أَعۡمَٰلُكُمۡ وَأَنتُمۡ لَا تَشۡعُرُونَ ٢

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَغُضُّونَ أَصۡوَٰتَهُمۡ عِندَ رَسُولِ ٱللَّهِ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱمۡتَحَنَ ٱللَّهُ قُلُوبَهُمۡ لِلتَّقۡوَىٰۚ لَهُم مَّغۡفِرَةٞ وَأَجۡرٌ عَظِيمٌ ٣

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُنَادُونَكَ مِن وَرَآءِ ٱلۡحُجُرَٰتِ أَكۡثَرُهُمۡ لَا يَعۡقِلُونَ ٤

وَلَوۡ أَنَّهُمۡ صَبَرُواْ حَتَّىٰ تَخۡرُجَ إِلَيۡهِمۡ لَكَانَ خَيۡرٗا لَّهُمۡۚ وَٱللَّهُ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ٥

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkatkan suara-suara kamu mengatasi suara Nabi dan janganlah kamu bercakap dengannya dengan suara yang keras sebagaimana kamu bercakap di antara kamu dengan

suara yang keras terhadap satu sama lain kerana dikhuatiri gugurnya pahala amalan-amalan kamu, sedangkan kamu tidak sedar(2). Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suara mereka di sisi Rasulullah, merekalah orang-orang yang Allah telah ujikan hati mereka (dan menumpukannya) kepada taqwa. Mereka memperolehi keampunan dan pahala yang besar(3). Sesungguhnya orang-orang yang memanggilmu dari belakang bilik-bilik (kediamanmu) itu adalah kebanyakan dari mereka tidak berfikir(4). Dan sekiranya mereka bersabar sehingga engkau keluar menemui mereka, maka itulah yang lebih baik bagi mereka. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(5)

Ia merupakan sebuah alam hidup yang mempunyai peraturan yang kemas, di mana segala perkataan dan perbuatan harus diperiksa dengan teliti dari sumbernya yang sebenar sebelum diambil sesuatu tindakan. Peraturan ini disandarkan kepada dasar taqwa kepada Allah dan merujukkannya kepada Rasulullah tanpa mendahului beliau dan mengemukakan cadangan yang tidak dipinta dan disuruh beliau:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن جَآءَكُمۡ فَاسِقُۢ بِنَبَإٖ فَتَبَيَّنُوٓاْ أَن تُصِيبُواْ قَوۡمَۢا بِجَهَٰلَةٖ فَتُصۡبِحُواْ عَلَىٰ مَا فَعَلۡتُمۡ نَٰدِمِينَ ٦

وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ فِيكُمۡ رَسُولَ ٱللَّهِۚ لَوۡ يُطِيعُكُمۡ فِي كَثِيرٖ مِّنَ ٱلۡأَمۡرِ لَعَنِتُّمۡ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ حَبَّبَ إِلَيۡكُمُ ٱلۡإِيمَٰنَ وَزَيَّنَهُۥ فِي قُلُوبِكُمۡ وَكَرَّهَ إِلَيۡكُمُ ٱلۡكُفۡرَ وَٱلۡفُسُوقَ وَٱلۡعِصۡيَانَۚ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلرَّٰشِدُونَ ٧

فَضۡلٗا مِّنَ ٱللَّهِ وَنِعۡمَةٗۚ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٞ ٨

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika seorang yang fasiq datang menemui kamu membawa sesuatu berita, maka selidikilah (kebenarannya) kerana dikhuatiri kamu mengenakan tindakan yang buruk terhadap sesuatu kaum dengan kejahilan, dan menyebabkan kamu menyesal terhadap tindakan yang telah dilakukan kamu(6). Dan ketahuilah! Bahawa di dalam kalangan kamu ada Rasulullah. Jika Dia menurut kamu dalam kebanyakan urusan tentulah akan menyulitkan kamu, tetapi Allah menjadikan kamu cintakan keimanan dan menjadikan keimanan itu indah di dalam hati kamu dan menjadikan kamu bencikan kekufuran, kefasiqan dan penderhakaan, merekalah orang-orang yang mendapat petunjuk(7). Sebagai limpah kurnia dan ni'mat dari Allah. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(8)

Ia adalah sebuah alam hidup yang mempunyai peraturan-peraturan dan tatacara yang amali dalam menghadapi pergaduhan dan perbalahan yang boleh merosakkan keutuhannya apabila dibiarkan tanpa sesuatu usaha untuk mengatasinya. Peraturan dan tatacara itu adalah lahir dari dasar persaudaraan di antara orang-orang Mu'min juga terbit dari dasar keadilan dan islah, dan seterusnya terbit dari perasaan taqwa kepada Allah dan dari harapan untuk mendapat rahmat dan keredhaan Allah:

وَإِن طَآئِفَتَانِ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ٱقۡتَتَلُواْ فَأَصۡلِحُواْ بَيۡنَهُمَاۖ فَإِنۢ بَغَتۡ إِحۡدَىٰهُمَا عَلَى ٱلۡأُخۡرَىٰ فَقَٰتِلُواْ ٱلَّتِي تَبۡغِي حَتَّىٰ تَفِيٓءَ إِلَىٰٓ أَمۡرِ ٱللَّهِۚ فَإِن فَآءَتۡ فَأَصۡلِحُواْ بَيۡنَهُمَا بِٱلۡعَدۡلِ وَأَقۡسِطُوٓاْۖ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلۡمُقۡسِطِينَ ٩

إِنَّمَا ٱلۡمُؤۡمِنُونَ إِخۡوَةٞ فَأَصۡلِحُواْ بَيۡنَ أَخَوَيۡكُمۡۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمۡ تُرۡحَمُونَ ١٠

"Dan jika dua puak dari orang-orang Mu'min berperang, maka damaikanlah di antara mereka. Dan jika salah satu dari kedua puak itu melakukan kezaliman terhadap satu puak yang lain, maka perangilah puak yang melakukan kezaliman itu sehingga mereka kembali kepada perintah Allah, dan jika mereka kembali, maka damaikanlah di antara keduanya dengan adil dan hendaklah kamu berlaku adil. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang berlaku adil(9). Sesungguhnya orang-orang Mu'min itu adalah saudara-saudara. Oleh itu damaikanlah di antara saudara-saudara kamu dan bertaqwalah kepada Allah agar kamu dikurniakan rahmat."(10)

Ia adalah sebuah alam hidup yang mempunyai tata psikologi dalam meluahkan perasaan terhadap satu sama lain, di samping mempunyai tatalaku dalam berinteraksi terhadap satu sama lain:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا يَسۡخَرۡ قَوۡمٞ مِّن قَوۡمٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُونُواْ خَيۡرٗا مِّنۡهُمۡ وَلَا نِسَآءٞ مِّن نِّسَآءٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُنَّ خَيۡرٗا مِّنۡهُنَّۖ وَلَا تَلۡمِزُوٓاْ أَنفُسَكُمۡ وَلَا تَنَابَزُواْ بِٱلۡأَلۡقَٰبِۖ بِئۡسَ ٱلِٱسۡمُ ٱلۡفُسُوقُ بَعۡدَ ٱلۡإِيمَٰنِۚ وَمَن لَّمۡ يَتُبۡ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ١١

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum menghinakan satu kaum yang lain kerana boleh jadi kaum yang dihinakan itu lebih baik dari kaum yang menghina, dan janganlah pula wanita-wanita menghinakan wanita-wanita yang lain kerana boleh jadi wanita-wanita yang dihinakan itu lebih baik dari wanita yang menghina. Dan janganlah kamu mengaibkan diri kamu sendiri dan janganlah kamu panggil memanggil di antara kamu dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk nama ialah nama fasiq sesudah seseorang itu beriman, dan barang siapa yang tidak bertaubat, maka merekalah orang-orang yang zalim."(11)

Ia merupakan sebuah alam hidup yang berperasaan bersih dan segala kehormatan (orang ramai) terjamin.

Alam hidup yang tidak menghukumkan orang lain dengan hanya berdasarkan prasangka-prasangka dan tidak bertindak mengintip mencari keaiban-keaiban orang lain, tidak mengganggu keamanan mereka, tidak menyentuh kehormatan mereka dan tidak menggugat kebebasan mereka sedikit pun:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱجْتَنِبُوا۟ كَثِيرًا مِّنَ ٱلظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ ٱلظَّنِّ إِثْمٌ ۖ وَلَا تَجَسَّسُوا۟ وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا ۚ أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan prasangka kerana setengah-setengah prasangka itu berdosa. Dan janganlah kamu mengintip dan janganlah kamu mengumpat satu sama lain. Apakah seseorang dari kamu suka makan daging saudaranya yang telah mati? Sudah tentulah kamu jijikkannya. Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Menerima taubat dan Maha Pengasih."(12)

Ia merupakan sebuah alam hidup yang mempunyai wawasan kesatuan insaniyah yang sempurna iaitu kesatuan yang menggabungkan berbagai-bagai bangsa dan kaum dan mengguna satu neraca yang tunggal untuk menilaikan seluruh mereka. Itulah neraca Allah yang bersih dari hawa nafsu dan sikap yang terumbang-ambing:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَٰكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَٰكُمْ شُعُوبًا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓا۟ ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

"Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu lelaki dan perempuan dan Kami telah jadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan berbagai-bagai suku supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Pakar."(13)

Setelah menjelaskan hakikat-hakikat agung yang menggariskan rangka-rangka alam hidup yang luhur, bersih dan sihat itu, maka surah ini menggariskan pula ciri-ciri keimanan, dan dengan nama keimanan, para Mu'minin diseru supaya membentuk alam hidup ini, dan dengan nama yang sama mereka diseru menjunjung komitmen-komitmennya dengan sifat yang indah ini, yang mendorong ke arah menyambut seruan dan menyerah diri kepada Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟

"Wahai orang-orang yang beriman!"(12)

Itulah seruan yang penuh mesra yang membuat seorang Mu'min merasa begitu malu kepada Allah jika ia tidak menyahutinya. Itulah seruan yang meringankan segala beban kewajipan yang berat dan memudahkan segala kesulitan yang dihadapi. Itulah seruan yang membuat hati manusia rindu untuk menyahutinya:

قَالَتِ ٱلْأَعْرَابُ ءَامَنَّا ۖ قُل لَّمْ تُؤْمِنُوا۟ وَلَٰكِن قُولُوٓا۟ أَسْلَمْنَا وَلَمَّا يَدْخُلِ ٱلْإِيمَٰنُ فِى قُلُوبِكُمْ ۖ وَإِن تُطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ لَا يَلِتْكُم مِّنْ أَعْمَٰلِكُمْ شَيْـًٔا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤﴾

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّٰدِقُونَ ﴿١٥﴾

قُلْ أَتُعَلِّمُونَ ٱللَّهَ بِدِينِكُمْ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۚ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿١٦﴾

"Orang-orang Arab Badwi berkata: Kami telah beriman. Katakanlah (kepada mereka): Kamu belum lagi beriman, tetapi katakanlah: Kami telah memeluk Islam kerana keimanan belum lagi meresap ke dalam hati kamu. Dan jika kamu ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya, maka Allah tidak akan mengurangkan sedikit pun pahala amalan kamu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(14). Sesungguhnya orang-orang Mu'min yang sebenar ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya kemudian mereka tidak ragu-ragu dan berjihad dengan harta benda mereka dan jiwa raga mereka demi jalan Allah. Merekalah orang-orang yang sebenar beriman(15). Katakanlah: Apakah kamu hendak memberitahu kepada Allah tentang agama kamu (keimanan kamu) sedangkan Allah mengetahui segala isi langit dan segala isi bumi? Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(16)

Pada akhirnya surah ini mendedahkan limpah kurnia Allah yang amat besar kepada manusia iaitu pengurniaan iman yang diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya mengikut pertimbangan ilmu-Nya:

يَمُنُّونَ عَلَيْكَ أَنْ أَسْلَمُوا۟ ۖ قُل لَّا تَمُنُّوا۟ عَلَىَّ إِسْلَٰمَكُم ۖ بَلِ ٱللَّهُ يَمُنُّ عَلَيْكُمْ أَنْ هَدَىٰكُمْ لِلْإِيمَٰنِ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿١٧﴾

إِنَّ ٱللَّهَ يَعۡلَمُ غَيۡبَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۚ وَٱللَّهُ بَصِيرُۢ بِمَا تَعۡمَلُونَ ﴿١٨﴾

"Mereka merasa mereka telah berbudi kepadamu kerana mereka memeluk Islam. Katakanlah: Janganlah kamu merasa berbudi kepada aku dengan keislaman kamu itu, malah Allahlah yang telah berbudi kepada kamu dengan memimpin kamu kepada keimanan jika benar kamu beriman(17). Sesungguhnya Allah mengetahui segala sesuatu yang ghaib di langit dan di bumi. Dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu."(18)

Perkara yang kedua yang dikemukakan kepada pandangan pembaca dari huraian surah ini dan setelah merujukkan kepada keadaan-keadaan yang berlaku ketika turunnya ayat-ayat ini jalan usaha-usaha yang besar yang berterusan yang dapat dilihat pada bimbingan-bimbingan Al-Qur'anul-Karim dan didikan Nabawi yang bijaksana untuk membentuk dan mengasuh kelompok Muslimin yang melambangkan alam hidup yang luhur, bersih dan sihat di mana hakikatnya telah pun wujud di muka bumi ini pada satu masa yang silam, dan sejak itu ia bukan lagi merupakan satu wawasan idealistik dan bukan lagi merupakan impian yang melayang-layang dalam khayalan sahaja.

Kelompok Muslimin yang mithali ini, yang telah lahir di alam kenyataan di satu zaman di dalam sejarah itu bukanlah tumbuh secara mendadak dan wujud secara kebetulan. Ia tidak diciptakan sehari semalam. Begitu juga ia tidak lahir ke alam al-wujud dengan satu tiupan yang mengubahkan segala sesuatu dalam sekelip mata, malah ia tumbuh dan berkembang subur perlahan-lahan sebagaimana berkembangnya pokok yang besar dan tinggi dengan akar umbinya yang mendalam di bumi. Ia telah mengambil masa yang lama yang diperlukan untuk kesuburannya. Begitu juga ia telah memakan usaha tenaga yang berterusan yang diperlukan oleh perkembangannya itu. Ia telah memerlukan pemeliharaan dan pengawasan yang teliti dan kesabaran yang lama dan usaha yang hemat untuk membetul, mengelok, memimpin, mendokong, memantap dan mengukuhkannya. Ia telah memerlukan pengalaman-pengalaman yang payah dan ujian-ujian yang sukar di samping memerlukan kepada bimbingan untuk mengambil pengajaran dari pengalaman-pengalaman dari ujian-ujian itu. Dan semuanya itu berlangsung dengan ri'ayah Ilahiyah yang dikurniakan kepada kelompok Muslimin, yang telah dipilih Allah untuk memikul amanah agama yang agung dan untuk melaksanakan kehendak iradat Allah di bumi ini, di samping adanya kelebihan-kelebihan dan bakat-bakat yang tersembunyi pada generasi itu dan sesuai pula dengan suasana-suasana dan keadaan-keadaan mereka. Dengan seluruh persediaan-persediaan ini terserlahlah sinar masyarakat Islam yang gemilang dan menakjubkan itu di dalam sejarah manusia dan lahirlah hakikat ini di alam kenyataan, iaitu hakikat yang kelihatan dari jauh seolah-olah impian yang mengawan-ngawan di dalam hati atau impian yang terbang di dalam khayalan.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تُقَدِّمُواْ بَيۡنَ يَدَيِ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦۖ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٞ ﴿١﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَرۡفَعُوٓاْ أَصۡوَٰتَكُمۡ فَوۡقَ صَوۡتِ ٱلنَّبِيِّ وَلَا تَجۡهَرُواْ لَهُۥ بِٱلۡقَوۡلِ كَجَهۡرِ بَعۡضِكُمۡ لِبَعۡضٍ أَن تَحۡبَطَ أَعۡمَٰلُكُمۡ وَأَنتُمۡ لَا تَشۡعُرُونَ ﴿٢﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَغُضُّونَ أَصۡوَٰتَهُمۡ عِندَ رَسُولِ ٱللَّهِ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱمۡتَحَنَ ٱللَّهُ قُلُوبَهُمۡ لِلتَّقۡوَىٰۚ لَهُم مَّغۡفِرَةٞ وَأَجۡرٌ عَظِيمٌ ﴿٣﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُنَادُونَكَ مِن وَرَآءِ ٱلۡحُجُرَٰتِ أَكۡثَرُهُمۡ لَا يَعۡقِلُونَ ﴿٤﴾

وَلَوۡ أَنَّهُمۡ صَبَرُواْ حَتَّىٰ تَخۡرُجَ إِلَيۡهِمۡ لَكَانَ خَيۡرٗا لَّهُمۡۚ وَٱللَّهُ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ﴿٥﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mendahului Allah dan Rasul-Nya, dan bertaqwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(1). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkatkan suara-suara kamu mengatasi suara Nabi dan janganlah kamu bercakap dengannya dengan suara yang keras sebagaimana kamu bercakap di antara kamu dengan suara yang keras terhadap satu sama lain kerana dikhuatiri gugurnya pahala amalan-amalan kamu, sedangkan kamu tidak sedar(2). Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suara mereka di sisi Rasulullah, merekalah orang-orang yang Allah telah ujikan hati mereka (dan menumpukannya) kepada taqwa. Mereka memperolehi keampunan dan pahala yang besar(3). Sesungguhnya orang-orang yang memanggilmu dari belakang bilik-bilik (kediamanmu) itu adalah kebanyakan dari mereka tidak berfikir(4). Dan sekiranya mereka bersabar sehingga engkau keluar menemui mereka, maka itulah yang lebih baik bagi mereka. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(5)

Rahsia Di Sebalik Seruan يأيها الذين آمنوا

Surah ini dimulakan dengan seruan pertama yang mesra dan memberangsangkan hati:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟

"Wahai orang-orang yang beriman!"(1)

Iaitu seruan dari Allah kepada orang-orang yang beriman kepada-Nya walaupun tanpa melihat-Nya. Ia memberangsangkan hati mereka dengan sifat iman yang mengikatkan mereka dengan Allah. Ia membuat mereka merasa bahawa mereka adalah kepunyaan Allah dan merekalah yang memakai lencana Allah. Seterusnya ia membuat mereka merasa bahawa merekalah hamba-hamba Allah dan bala tentera-Nya di planet bumi ini. Ia membuat mereka merasa bahawa mereka berada di bumi ini ialah untuk menyempurnakan satu urusan yang telah diatur dan dikehendaki Allah. Ia membuat mereka merasa bahawa Allah telah menjadikan mereka menyintai keimanan dan menjadikan keimanan itu perhiasan yang indah di dalam hati mereka. Itulah pilihan dan limpah kurnia Allah kepada mereka. Oleh itu adalah wajar kepada mereka berdiri di mana sahaja yang dikehendaki Allah, iaitu berdiri siap siaga di hadapan Allah untuk menerima apa sahaja perintah dan arahan-Nya sama ada mengenai dirinya atau mengenai orang lain untuk melaksanakan segala apa yang disuruh Allah dan redha dengan habuan yang dibahagikan Allah serta berserah kepada-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تُقَدِّمُوا۟ بَيْنَ يَدَىِ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ۖ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mendahului Allah dan Rasul-Nya dan bertaqwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(1)

Maksudnya, wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengemukakan usul atau cadangan kepada Allah dan Rasul-Nya sama ada mengenai urusan diri kamu atau mengenai urusan-urusan hidup yang lain di sekeliling kamu. Janganlah kamu membuat sesuatu keputusan sendiri sebelum mendengar keputusan Allah melalui Rasul-Nya dan janganlah kamu menghukumkan sesuatu tanpa merujukkan kepada firman Allah dan sabda Rasul-Nya.

Ujar Qatadah: "Kami telah diceritakan bahawa ada orang-orang (sahabat-sahabat) di masa itu bercakap-cakap: Alangkah bagusnya jika diturun begini, begini. Jika betul begini patutnya begini. Lalu Allah melarangkan perbuatan itu". Kata al-'Aufi pula: "Mereka dilarang bercakap-cakap di hadapan Rasulullah s.a.w.". Kata Mujahid:"Janganlah kamu mengemukakan cadangan-cadangan mengenai sesuatu kepada Rasulullah s.a.w. sehingga Allah menetapkan hukuman-Nya melalui Rasul-Nya". Kata adh-Dhahak: "Janganlah kamu memutuskan sesuatu perkara dari peraturan-peraturan agama kamu tanpa merujukkan kepada Allah dan Rasul-Nya". Kata 'Ali ibn Talhah dari ibn 'Abbas r.a.: *"Janganlah kamu mengatakan sesuatu yang menyalahi Al-Qur'an dan as-Sunnah"*.

Itulah adab sopan dengan Allah dan Rasul-Nya. Ia merupakan adab cara menerima dan melaksanakan perintah Allah. Dan dalam waktu yang sama ia merupakan satu dasar dari dasar-dasar tasyri' dan amalan. Ia merupakan adab sopan yang lahir dari perasaan taqwa kepada Allah, iaitu perasaan yang lahir dari kesedaran bahawa Allah itu Maha Mendengar dan Maha Mengetahui. Semua hakikat yang besar ini terkandung dalam satu ayat yang pendek ini sahaja.

Demikianlah orang-orang Mu'min di zaman itu beradab sopan dengan Allah dan Rasul-Nya. Oleh itu tiada siapa pun dari mereka datang membuat cadangan kepada Allah dan Rasul-Nya, dan tiada siapa pun yang datang mengemukakan pendapat yang tidak dipinta Rasulullah s.a.w., dan tiada siapa pun dari mereka membuat sesuatu keputusan atau menetapkan sesuatu hukum melainkan lebih dahulu mereka rujukkan kepada firman Allah dan sabda Rasul-Nya.

Menurut riwayat Ahmad, Abu Daud, at-Tirmizi dan Ibn Majah dengan sanadnya dari Mu'az r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bertanya kepadanya ketika dia diutus ke Yaman:

"Engkau hendak menghukum dengan apa? Jawabnya: "Dengan kitab Allah Ta'ala." Tanya Rasulullah s.a.w. lagi: "Bagaimana jika engkau tidak menjumpainya dalam kitab Allah?" Jawabnya: "Dengan Sunnah Rasulullah s.a.w," Tanya Rasulullah s.a.w. lagi: "Bagaimana jika engkau tidak menjumpainya dalam Sunnah Rasulullah?" Jawab Mu'az r.a.: "Hamba akan berijtihad menggunakan fikiran hamba." Lalu beliau pun menepuk-nepuk dada Mu'az sambil bersabda: "Alhamdulillah, bersyukurlah kepada Allah yang telah memberi taufik kepada utusan Rasulullah s.a.w. ke arah yang diredhai Rasulullah."

Sehingga walaupun Rasulullah s.a.w. bertanya mereka tentang hari dan tempat yang benar-benar diketahui mereka, namun mereka tetap mendiamkan diri dari menjawab pertanyaan beliau kecuali dengan mengatakan: "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui", kerana takut jawapan itu mendahului Allah dan Rasul-Nya.

Mengikut hadith Abu Bakrah Nafi ibn al-Harith ath-Thaqafi r.a. katanya: Nabi s.a.w. telah bertanya sahabat-sahabatnya pada masa mengerjakan Haji al-Wida': "Bulan ini bulan apa?" Jawab kami: "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui: "Lalu beliau pun diam hingga terfikir oleh kami bahawa beliau akan mengubahkan nama bulan ini, kemudian beliau bertanya lagi: "Tidakkah bulan ini bulan Zulhijjah?" Jawab kami: 'Ya!" Beliau bertanya lagi: Negeri ini negeri apa?" Jawab kami: "Allah dan Rasul-Nya lebih

mengetahui. " Lalu beliau pun diam hingga terfikir oleh kami bahawa beliau akan mengubahkan nama negeri ini, kemudian beliau bertanya lagi: "Tidakkah negeri ini negeri Tanah Suci?" Jawab kami: 'Ya!" Lalu beliau bertanya lagi: "Hari ini hari apa?" Jawab kami: "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui." Beliau diam hingga terfikir oleh kami bahawa beliau akan mengubahkan nama hari itu. Kemudian beliau bertanya lagi: "Bukankah hari ini Hari Korban?" Jawab kami: 'Ya!........... hingga akhir.

Inilah gambaran adab sopan dan taqwa yang dicapai oleh orang-orang Islam (para sahabat) selepas mereka mendengar seruan dan arahan ayat itu, juga setelah mereka mendengar anjuran-Nya supaya bertaqwa kepada Allah Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui.

Adab Sopan Bercakap Dengan Rasulullah s.a.w.

Adab sopan yang kedua ialah adab sopan bercakap dengan Nabi mereka s.a.w. dan menghormati beliau di dalam hati dengan penghormatan yang terpantul di dalam nada-nada suara mereka dan adab sopan membezakan peribadi beliau dan kedudukannya di kalangan mereka. Allah mengajak mereka supaya mematuhi adab sopan ini dengan seruan yang kasih mesra dan mengingatkan mereka supaya jangan melanggar amaran yang menakutkan ini:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَرْفَعُوٓاْ أَصْوَٰتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ ٱلنَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُواْ لَهُۥ بِٱلْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ أَن تَحْبَطَ أَعْمَٰلُكُمْ وَأَنتُمْ لَا تَشْعُرُونَ ﴿٢﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkatkan suara-suara kamu mengatasi suara Nabi dan janganlah kamu bercakap dengannya dengan suara yang keras sebagaimana kamu bercakap di antara kamu dengan suara yang keras terhadap satu sama lain kerana dikhuatiri gugurnya pahala amalan-amalan kamu, sedangkan kamu tidak sedar."(2)

Maksudnya, wahai orang yang beriman! Hendaklah kamu menghormati Nabi kamu yang menyeru kamu kepada keimanan kerana dikhuatirkan gugurnya pahala amalan-amalan kamu tanpa disedari. Hendaklah mereka berhati-hati terhadap tempat gelincir ini yang mungkin membawa akibat gugurnya amalan mereka di luar kesedaran dan pengetahuan mereka.

Seruan yang mesra dan amaran yang menakutkan ini telah meninggalkan kesan yang amat mendalam di dalam hati mereka.

Ujar Al-Bukhari: Kami telah diceritakan oleh Busrah ibn Safwan al-Lakhmi kami telah diceritakan oleh Nafi' ibn 'Umar, dari Ibn Abu Mulaykah katanya: Hampir-hampir dua sahabat yang terpilih itu binasa, iaitu Abu Bakr dan 'Umar r.'anhuma kedua-duanya telah meninggikan suara mereka di sisi Nabi s.a.w. ketika beliau ditemui oleh rombongan Bani Tamim (pada tahun yang kesembilan Hijrah). Salah seorang dari keduanya mencadangkan al-Aqra' ibn Habis r.a. saudara Bani Mujasyi' (supaya menjadi ketua rombongan itu), sedangkan yang seorang lagi mencadangkan seorang yang lain. Kata Nafi': Saya tidak ingat namanya (mengikut satu riwayat yang lain nama orang itu ialah al-Qa'qa ibn Ma'bad), lalu Abu Bakr pun berkata kepada 'Umar r.a.: "Anda hanya mahu menyalahi saya. "Jawab 'Umar: "Saya bukannya hendak menyalahi anda." Mereka berdua bercakap dengan suara yang tinggi lalu turunlah ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَرْفَعُوٓاْ أَصْوَٰتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ ٱلنَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُواْ لَهُۥ بِٱلْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ أَن تَحْبَطَ أَعْمَٰلُكُمْ وَأَنتُمْ لَا تَشْعُرُونَ ﴿٢﴾

Kata Ibn az-Zubayr r.a.: Sebaik sahaja 'Umar r.a. mendengar bacaan Rasulullah s.a.w. selepas turunnya ayat ini ia terus bertanya kepadanya. Diriwayatkan dari Abu Bakr r.a. katanya: "Apabila ayat ini turun aku pun berkata kepada Rasulullah s.a.w.: Wahai Rasulullah! Demi Allah hamba tidak akan bercakap dengan anda melainkan dengan suara seperti berbisik."

Ujar al-Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh Hasyim, kami telah diceritakan oleh Sulaiman ibn al-Mughirah dari Thabit dari Anas ibn Malik r.a. katanya apabila turun ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَرْفَعُوٓاْ أَصْوَٰتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ ٱلنَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُواْ لَهُۥ بِٱلْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ أَن تَحْبَطَ أَعْمَٰلُكُمْ وَأَنتُمْ لَا تَشْعُرُونَ ﴿٢﴾

kebetulan Thabit ibn Qays ibn asy-Syammas seorang yang selalu bercakap dengan suara yang tinggi, lalu ia pun berkata: "Akulah yang bercakap dengan suara yang tinggi dengan Rasulullah s.a.w., aku nampaknya termasuk dalam ahli Neraka, sia-sialah amalanku." Lalu dia duduk di rumah bersama keluarganya. Tiba-tiba Rasulullah s.a.w. mencarinya, lalu setengah-setengah sahabat pergi mendapatkannya dan berkata kepadanya: "Rasulullah s.a.w. mencari engkau, apakah yang telah terjadi kepada engkau? "Jawabnya: "Akulah yang telah meninggikan suaraku melebihi suara Nabi s.a.w. Aku selalu bercakap dengan suara yang tinggi. Sia-sialah amalanku, aku nampaknya termasuk dalam ahli Neraka." Lalu mereka pun datang menemui Rasulullah s.a.w. dan menceritakan perkataan Thabit itu kepadanya, lalu Rasulullah s.a.w. pun bersabda: "Tidak, dia dari ahli Syurga." KataAnas r.a.: "Kami tengok dia (Thabit) berjalan di antara kami dan kini tahulah kami bahawa dia dari Ahli Syurga."

Demikianlah hati para sahabat itu takut dan gementar kerana kesan seruan mesra ayat ini.

Demikianlah mereka beradab sopan di hadapan Rasulullah s.a.w. kerana takut gugurnya pahala amalan-amalan mereka tanpa disedari. Andainya mereka sedar tentulah mereka dapat membetulkan semula, tetapi tempat gelincir yang tersembunyi itu tetap menjadi sesuatu yang amat menakutkan mereka.

Kemudian Allah memuji taqwa mereka dan adab sopan mereka merendahkan suara bila bercakap dengan Rasulullah s.a.w. dengan ungkapan yang menarik:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَغُضُّونَ أَصْوَٰتَهُمْ عِندَ رَسُولِ ٱللَّهِ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱمْتَحَنَ ٱللَّهُ قُلُوبَهُمْ لِلتَّقْوَىٰ ۚ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿٣﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suara mereka di sisi Rasulullah merekalah orang-orang yang Allah telah ujikan hati mereka (dan menumpukannya) kepada taqwa. Mereka memperolehi keampunan dan pahala yang besar."(3)

Taqwa merupakan satu pengurniaan Ilahi yang amat besar, Allah memilih hati-hati yang tertentu untuk menerimanya iaitu selepas diuji dan diduga, dan selepas dicuci dan dibersihkan. Allah hanya meletakkan taqwa itu pada hati yang telah bersedia dan wajar untuk menerimanya. Orang-orang yang merendahkan suara mereka di sisi Rasulullah s.a.w. ialah orang-orang yang telah diuji hati mereka dan dilengkapkan dengan persediaan untuk menerima pengurniaan Ilahi yang besar itu, iaitu pengurniaan taqwa. Dan dengan taqwa inilah Allah mengurniakan kepada mereka keampunan dan pahala yang amat besar.

Itulah galakan Ilahi yang amat mendalam setelah diberi peringatan yang menakutkan mereka. Dengan taqwa inilah Allah mendidik hati para hamba-Nya yang terpilih dan menyediakan mereka untuk memikul tanggungjawab yang besar, iaitu tanggungjawab yang telah dilaksanakan oleh angkatan Muslimin yang pertama dengan berpandukan didikan dan nur hidayat ini.

Menurut satu riwayat, Amirul-Mu'min 'Umar ibn al-Khattab r.a. telah mendengar suara dua orang lelaki sedang bercakap dengan suara yang tinggi di dalam Masjid Nabi s.a.w., lalu ia pun datang mendapatkan mereka dan berkata: "Tahukah kamu berdua di mana kamu berada sekarang ini?" Dan bertanya lagi: "Kamu berdua ini dari mana?" Jawab mereka: "Kami dari Ta'if" Lalu 'Umar pun berkata: "Jika kamu berdua ini dari Madinah, aku akan pukul kamu dengan teruk."

Menurut para Ulama' dimakruhkan meninggikan suara di kubur Rasulullah s.a.w. sebagaimana dimakruhkannya semasa hidup beliau kerana menghormatkan beliau dalam segala keadaan.

Kemudian Al-Qur'an menyentuh satu peristiwa yang berlaku kepada rombongan Bani Tamim ketika mereka datang untuk menemui Rasulullah s.a.w. pada tahun yang kesembilan Hijrah iaitu tahun yang dikenali dengan nama "Tahun Rombongan-rombongan"[1], kerana pada tahun ini berbagai-bagai rombongan orang-orang Arab dari setiap tempat datang menemui Rasulullah s.a.w. dan memeluk Islam. Mereka ialah orang-orang Arab Badwi yang berkelakuan kasar. Mereka memanggil Rasulullah s.a.w. dari belakang bilik-bilik isteri beliau yang menjenguk ke dalam al-Masjid an-Nabawi yang mulia: "Wahai Muhammad! Keluarlah! Kami mahu bertemu dengan engkau". Nabi s.a.w. tidak sukakan tingkahlaku mereka yang kasar dan mengganggu ketenteraman itu, lalu turunlah ayat:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُنَادُونَكَ مِن وَرَآءِ ٱلْحُجُرَٰتِ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ﴿٤﴾

وَلَوْ أَنَّهُمْ صَبَرُوا۟ حَتَّىٰ تَخْرُجَ إِلَيْهِمْ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ ۚ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang memanggilmu dari belakang bilik-bilik (kediamanmu) itu adalah kebanyakan dari mereka tidak berfikir(4). Dan sekiranya mereka bersabar sehingga engkau keluar menemui mereka, maka itulah yang lebih baik bagi mereka. Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(5)

Allah sifatkan mereka sebagai orang-orang yang kebanyakannya tidak mengerti dan melarang mereka dari memanggil Rasulullah s.a.w. dengan cara yang bertentangan dengan adab sopan menghormati beliau sebagai pemimpin dan pendidik mereka. Selanjutnya Allah menyatakan kepada mereka bahawa yang lebih baik kepada mereka ialah bersabar dan menunggu sehingga beliau keluar sendiri menemui mereka. Dan Allah menggalakkan mereka bertaubat dan memohon keampunan dan rahmat-Nya.

Kaum Muslimin telah mematuhi adab sopan yang tinggi ini hingga melewati diri Rasulullah s.a.w. iaitu menjangkau kepada setiap guru dan alim ulama'. Mereka tidak mengejutkannya sehingga ia keluar sendiri menemui mereka. Mereka tidak menyerbu kepadanya sehingga beliau menjemput mereka. Mengikut cerita Abu 'Ubayd, seorang alim yang zahid dan seorang rawi yang dipercayai, bahawa beliau pernah berkata: "Aku tidak pernah mengetuk pintu mana-mana orang-orang alim sehingga dia keluar sendiri pada waktunya yang lazim."

---

[1] عام الوفود

******

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 8)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِن جَآءَكُمْ فَاسِقٌۢ بِنَبَإٍ فَتَبَيَّنُوٓا۟ أَن تُصِيبُوا۟ قَوْمًۢا بِجَهَٰلَةٍ فَتُصْبِحُوا۟ عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَٰدِمِينَ ﴿٦﴾

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ فِيكُمْ رَسُولَ ٱللَّهِ ۚ لَوْ يُطِيعُكُمْ فِى كَثِيرٍ مِّنَ ٱلْأَمْرِ لَعَنِتُّمْ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ حَبَّبَ إِلَيْكُمُ ٱلْإِيمَٰنَ وَزَيَّنَهُۥ فِى قُلُوبِكُمْ وَكَرَّهَ إِلَيْكُمُ ٱلْكُفْرَ وَٱلْفُسُوقَ وَٱلْعِصْيَانَ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلرَّٰشِدُونَ ﴿٧﴾

فَضْلًا مِّنَ ٱللَّهِ وَنِعْمَةً ۚ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٨﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika seorang yang fasiq datang menemui kamu membawa sesuatu berita, maka selidikilah (kebenaran-nya) kerana dikhuatiri kamu mengenakan tindakan yang buruk terhadap sesuatu kaum dengan kejahilan, dan menyebabkan kamu menyesal terhadap tindakan yang telah dilakukan kamu(6). Dan ketahuilah bahawa di dalam kalangan kamu ada Rasulullah. Jika dia menurut kamu dalam kebanyakan urusan tentulah akan menyulitkan kamu, tetapi Allah menjadikan kamu cintakan keimanan dan menjadikan keimanan itu indah di dalam hati kamu dan menjadikan kamu bencikan kekufuran, kefasiqan dan penderhakaan. Merekalah orang-orang yang mendapat petunjuk(7). Sebagai limpah kurnia dan ni'mat dari Allah. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(8)

Kewajipan Mengenalpasti Sumber Berita Yang Diterima

Seruan yang pertama ialah untuk menerangkan kedudukan pemimpin sebagai sumber yang memberi perintah, dan seruan yang kedua ini pula ialah untuk menerangkan adab sopan terhadap pemimpin. Kedua-duanya merupakan asas bagi semua arahan dan peraturan yang terkandung di dalam surah ini. Sumber berita yang diterima oleh orang-orang Islam itu pastilah jelas dan terang, dan kedudukan pemimpin pastilah dihormati supaya segala arahannya mempunyai nilai dan dipatuhi, kerana itu datang pula seruan yang ketiga ini untuk menerangkan kepada orang-orang Mu'min bagaimana seharusnya mereka menerima berita-berita dan bertindak terhadapnya. Ia menjelaskan betapa perlunya berita-berita itu diteliti dari sumber-sumbernya yang sebenar:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِن جَآءَكُمْ فَاسِقٌۢ بِنَبَإٍ فَتَبَيَّنُوٓا۟ أَن تُصِيبُوا۟ قَوْمًۢا بِجَهَٰلَةٍ فَتُصْبِحُوا۟ عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَٰدِمِينَ ﴿٦﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika seorang yang fasiq datang menemui kamu membawa sesuatu berita, maka selidikilah (kebenarannya) kerana dikhuatiri kamu mengenakan tindakan yang buruk terhadap sesuatu kaum dengan kejahilan, dan menyebabkan kamu menyesal terhadap tindakan yang telah dilakukan kamu."(6)

Al-Qur'an secara khusus menyebut: فَاسِقٌ (**"seorang yang fasiq"**) kerana orang ini lebih berkemungkinan berdusta dan supaya keraguan itu tidak meluas kepada semua individu masyarakat Islam terhadap berita-berita yang disampaikan dikalangan mereka. Kerana ini akan melumpuhkan perhubungan maklumat di antara mereka. Yang menjadi pokok pangkal di dalam masyarakat Islam ialah semua individu-individunya adalah orang-orang yang boleh dipercayai dan berita-berita yang disampaikan mereka juga adalah berita-berita yang dipercayai kebenarannya dan boleh dipegang. Adapun orang yang fasiq, maka ia merupakan orang yang diragui sehingga ia dapat membuktikan kebenaran beritanya. Dengan sikap yang demikian, masyarakat Islam memilih jalan tengah di antara mengambil dan menolak berita-berita yang disampaikan kepada mereka. Mereka tidak bertindak secara terburu-buru apabila menerima berita-berita yang disampaikan oleh orang-orang fasiq. Mereka tidak mengorbankan orang-orang yang tidak bersalah dengan tindakan-tindakan mereka yang jahil dan gopoh hingga menyebabkan mereka menyesal kerana melakukan perbuatan yang dimurkai Allah dan bertentangan dengan kebenaran dan keadilan secara terburu-buru.

Ramai Mufassirin menyebut bahawa ayat ini diturun mengenai al-Walid ibn 'Uqbah ibn Abu Mu'ayt apabila beliau diutus oleh Rasulullah s.a.w. untuk menguruskan sedekah-sedekah (zakat-zakat) Bani Mustaliq. Ujar Ibn Kathir, kata-Mujahid dan Qatadah: Rasulullah s.a.w. telah mengutus al-Walid ibn 'Uqbah kepada Bani Mustaliq kerana memungut zakat dari mereka dan mereka telah menyambutnya dengan mengeluarkan zakat. Lalu ia kembali menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata kepadanya bahawa: "Bani Mustaliq telah mengumpulkan kekuatannya untuk memerangi anda" (Qatadah menambah bahawa mereka (Bani Mustaliq) telah murtad dari agama Islam). Lalu Rasulullah s.a.w. menghantar Khalid ibn al-Walid r.a. kepada Bani Mustaliq dan menyuruhnya supaya menyelidiki dengan teliti dan jangan bertindak terburu-buru. Khalid pun pergi dan sampai di tempat mereka pada waktu malam lalu ia melepaskan perisik-perisiknya. Apabila mereka balik, mereka mengatakan kepadanya bahawa Bani Mustaliq masih teguh berpegang dengan agama Islam dan mereka telah mendengar sendiri bagaimana mereka mengumandangkan azan dan sembahyang. Pada pagi keesokan, Khalid pergi menemui mereka dan melihat segala-galanya menyukakan hatinya. Lalu ia pun pulang menemui Rasulullah s.a.w. dan menyampaikan berita itu kepada beliau. Kemudian Allah menurunkan ayat yang mulia ini. Ujar Qatadah: Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

التثبت من الله والعجلة من الشيطان

"Langkah selidik dengan teliti itu adalah dari ajaran Allah dan bertindak dengan terburu-buru itu dari ilham syaitan." [2]

Begitu juga banyak di antara para Ulama' Salaf termasuk Ibn Abu Laila, Yazid ibn Ruman, adh-Dhahak, Muqatil ibn Hibban mengatakan bahawa ayat ini adalah diturunkan mengenai al-Walid ibn 'Uqbah. Wallahu a'lam. (Berakhirlah ulasan Ibn Kathir di dalam tafsirnya).

Tujuan ayat ini adalah umum, iaitu mengandungi dasar menyelidik dengan teliti segala berita yang diterima dari orang yang fasiq. Adapun orang yang salih, maka berita yang disampaikannya adalah diterima dan dipegangi kerana inilah yang menjadi dasar di dalam kelompok yang beriman. Hanya berita dari orang yang fasiq sahaja dikecualikan. Menerima dan berpegang dengan berita-berita dari orang-orang salih merupakan sebahagian dari dasar menyelidik dengan teliti kerana orang yang salih adalah salah satu dari sumber yang benar. Perbuatan meragui secara mutlak terhadap segala sumber dan segala berita adalah bertentangan dengan dasar kepercayaan yang seharusnya wujud di antara individu-individu kelompok yang beriman, dan melumpuhkan perjalanan kehidupan dan peraturannya dalam masyarakat Islam, sedangkan Islam membiarkan kehidupan masyarakat itu berjalan mengikut perjalanan tabiinya, dan Islam hanya mengadakan jaminan-jaminan, dan kawalan-kawalan untuk memelihara perjalanan kehidupan itu sahaja bukannya untuk melumpuhkannya. Inilah contoh dari dasar kebebasan dan pengecualian dalam menangani sumber-sumber berita.

Nampaknya ada setengah-setengah orang Islam yang hendak bertindak secara terburu-buru sebaik sahaja mereka mendapat berita yang disampaikan oleh al-Walid ibn 'Uqbah. Mereka mengesyorkan kepada Nabi s.a.w. supaya bertindak segera terhadap Bani Mustaliq. Ini kerana keghairahan mereka terhadap agama Allah dan kerana marah kepada perbuatan mereka yang tidak mahu mengeluarkan zakat. Kemudian turun ayat ini mengingatkan mereka kepada satu hakikat yang besar dan ni'mat yang agung yang ada pada mereka (iaitu adanya Rasulullah s.aw. bersama mereka) supaya mereka menyedari nilainya dan sentiasa ingat kepadanya.

وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ فِيكُمۡ رَسُولَ ٱللَّهِۚ

"Dan ketahuilah bahawa di dalam kalangan kamu ada Rasulullah."(7)

Nilai Kewujudan Rasulullah s.a.w. Di Kalangan Kaum Muslimin

Kewujudan Rasulullah s.a.w. di kalangan mereka merupakan satu hakikat yang dapat difahami dengan mudah kerana ia wujud di alam kenyataan, tetapi hakikat kewujudan Rasulullah s.a.w. itu akan menjadi suatu hakikat yang amat besar apabila difikir dengan mendalam. Tentulah tidak mudah kepada seseorang itu untuk memahami perhubungan langit (Allah) dan bumi (manusia) yang sentiasa berlaku, hidup dan dapat disaksikan dengan mata kepala. Langit menyampaikan perintahnya kepada bumi dan menceritakan kepada penghuni bumi segala hal ehwal mereka sama ada yang terang atau yang sulit. Ia membetulkan langkah-langkah mereka satu demi satu. Ia memberi panduan-panduan kepada mereka untuk menyelesaikan masalah diri mereka dan urusan hidup mereka. Apabila seseorang dari mereka melakukan sesuatu perbuatan atau mengeluarkan sesuatu perkataan atau membisikkan sesuatu berkara, maka langit terus mengetahuinya dan Allah Yang Maha Besar terus memberitahu Rasul-Nya apa yang telah berlaku dan mengarahkannya supaya melakukan apa yang patut dilakukannya dan supaya berkata sesuatu terhadap perkara yang telah berlaku itu. Ini adalah satu hakikat yang amat besar yang mungkin tidak disedari oleh mereka yang hidup di hadapannya. Oleh sebab inilah Allah mengingatkan hakikat ini kepada mereka dengan uslub ini:

وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ فِيكُمۡ رَسُولَ ٱللَّهِۚ

"Dan ketahuilah bahawa di dalam kalangan kamu ada Rasulullah."(7)

Yakni sedarilah dan hargailah kewujudannya dengan penghargaan yang sewajarnya kerana kewujudannya merupakan satu hakikat yang amat besar.

Dan di antara kehendak-kehendak kesedaran itu ialah jangan mendahului Allah dan Rasul-Nya. Kemudian Al-Qur'an menambahkan lagi penjelasannya supaya bertambah terang. Ia menyatakan kepada mereka bahawa segala tadbir yang diaturkan oleh Rasulullah s.a.w. untuk mereka itu adalah diwahyukan Allah kepadanya untuk kebaikan dan kemudahan kepada mereka. Andainya Rasulullah s.a.w. itu mengikut apa sahaja yang dipandang baik oleh mereka sudah tentu mereka akan mendapat kesusahan, kerana Allah lebih mengetahui segala apa yang mendatangkan kebaikan kepada mereka dan Rasul-Nya merupakan rahmat kepada mereka dalam segala perkara yang ditadbir dan dipilih oleh beliau:

لَوۡ يُطِيعُكُمۡ فِي كَثِيرٖ مِّنَ ٱلۡأَمۡرِ لَعَنِتُّمۡ

"Jika dia menurut kamu dalam kebanyakan urusan, tentulah akan menyulitkan kamu."(7)

[2] *Demikianlah disebut oleh Ibn Kathir di dalam tafsirnya.*

Ayat ini menyarankan kepada mereka supaya mereka meninggalkan sahaja urusan mereka kepada Allah dan Rasul-Nya, supaya mereka berserah kepada taqdir Allah dan tadbir-Nya, supaya mereka menerima perintah dari-Nya dan bukannya mengemukakan cadangan kepada-Nya, dan supaya mereka masuk ke dalam Islam dengan keseluruhan diri mereka, iaitu berserah kepada perencanaan Allah dan pentadbiran-Nya dan menerima apa sahaja perintah tanpa mengemukakan cadangan-cadangan sendiri.

Kemudian Al-Qur'an mengingatkan mereka kepada ni'mat keimanan yang dikurniakan Allah kepada mereka. Dialah yang menggerakkan hati mereka supaya menyintai keimanan dan menunjukkan kepada mereka keindahan dan kelebihannya serta mendorongkan hati mereka menyintainya dan bencikan kekufuran. Semuanya ini adalah dari limpah kurnia Allah:

وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ حَبَّبَ إِلَيْكُمُ ٱلْإِيمَٰنَ وَزَيَّنَهُۥ فِى قُلُوبِكُمْ وَكَرَّهَ إِلَيْكُمُ ٱلْكُفْرَ وَٱلْفُسُوقَ وَٱلْعِصْيَانَ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلرَّٰشِدُونَ ﴿٧﴾

"Tetapi Allah menjadikan kamu cintakan keimanan dan menjadikan keimanan itu indah di dalam hati kamu dan menjadikan kamu bencikan kekufuran, kefasiqan dan penderhakaan. Merekalah orang-orang yang mendapat petunjuk."(7)

فَضْلًا مِّنَ ٱللَّهِ وَنِعْمَةً ۚ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٨﴾

"Sebagai limpah kurnia dan ni'mat dari Allah. Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(8)

Pilihan Allah yang telah memilih sekumpulan hamba-Nya untuk membukakan pintu hati mereka menerima keimanan dan menyintainya merupakan limpah kurnia dan ni'mat Allah yang lebih besar dari segala limpah kurnia dan segala ni'mat yang lain, malah melebihi ni'mat kewujudan dan hidup di dunia ini sendiri. Kami akan jelaskan, insya Allah, dengan terperinci dalam tafsiran ayat:

بَلِ ٱللَّهُ يَمُنُّ عَلَيْكُمْ أَنْ هَدَىٰكُمْ لِلْإِيمَٰنِ

"Malah Allah yang telah berbudi kepada kamu dengan memimpin kamu kepada keimanan."(17)

Yang menarik pandangan kita di sini ialah penjelasan Allah mengingatkan mereka bahawa Dia mahukan kebaikan itu untuk mereka dan membersihkan hati mereka dari kejahatan itu iaitu kekufuran, kefasiqan dan penderhakaan, dan Dialah yang telah menjadikan mereka mendapat petunjuk sebagai satu pengurniaan ni'mat kepada mereka. Semuanya itu berlaku mengikut ilmu dan kebijaksanaan Allah. Penjelasan ini juga menyarankan supaya mereka berserah kepada bimbingan dan tadbir Allah dan yakin kepada kebaikan yang ada di sebaliknya serta meninggalkan perbuatan mengemukakan cadangan-cadangan dan bertindak gopoh melakukan sesuatu yang difikirkan baik oleh mereka sebelum Allah menentukan keputusan yang baik untuk mereka, kerana Allah jua Yang Maha Arif dan Dialah yang menentukan keputusan yang sebaik-baiknya untuk mereka, sedangkan Rasulullah s.a.w. yang ada di dalam kalangan mereka sentiasa memimpin mereka ke arah kebaikan dan kebajikan. Inilah bimbingan yang dimaksudkan dengan ayat ini.

Manusia itu terburu-buru dan gopoh, sedangkan dia tidak mengetahui akibat dari tindak-tanduknya. Dia mengemukakan cadangan-cadangan kepada dirinya dan kepada orang lain, sedangkan dia tidak mengetahui akibat buruk baiknya dari cadangan-cadangannya itu:

وَيَدْعُ ٱلْإِنسَٰنُ بِٱلشَّرِّ دُعَآءَهُۥ بِٱلْخَيْرِ ۖ وَكَانَ ٱلْإِنسَٰنُ عَجُولًا ﴿١١﴾

"Dan manusia berdo'a memohon malapetaka sebagaimana ia berdo'a memohon kebaikan, dan manusia adalah bersifat gopoh."

(Surah al-Isra': 11)

Sekiranya manusia itu berserah kepada Allah dan masuk ke dalam Islam dengan keseluruhannya, serta redha dengan pilihan Allah untuknya dan yakin bahawa pilihan Allah lebih baik dari pilihannya tentulah dia akan tenang dan tenteram dan dapat meneruskan perjalanan hidupnya yang pendek di muka bumi ini dengan aman tenteram, tetapi ini juga merupakan suatu ni'mat pemberian Allah yang dikurniakan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 10)

وَإِن طَآئِفَتَانِ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱقْتَتَلُوا۟ فَأَصْلِحُوا۟ بَيْنَهُمَا ۖ فَإِنۢ بَغَتْ إِحْدَىٰهُمَا عَلَى ٱلْأُخْرَىٰ فَقَٰتِلُوا۟ ٱلَّتِى تَبْغِى حَتَّىٰ تَفِىٓءَ إِلَىٰٓ أَمْرِ ٱللَّهِ ۚ فَإِن فَآءَتْ فَأَصْلِحُوا۟ بَيْنَهُمَا بِٱلْعَدْلِ وَأَقْسِطُوٓا۟ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ ﴿٩﴾ إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا۟ بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

"Dan jika dua puak dari orang-orang Mu'min berperang, maka damaikanlah di antara mereka. Dan jika salah satu dari kedua puak itu melakukan kezaliman terhadap satu puak yang lain, maka perangilah puak yang melakukan kezaliman itu sehingga mereka kembali kepada perintah Allah, dan jika mereka kembali, maka damaikanlah di antara keduanya dengan adil dan hendaklah kamu berlaku adil. Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang berlaku adil(9). Sesungguhnya orang-orang Mu'min itu adalah saudara-saudara. Oleh itu damaikanlah di antara saudara-

saudara kamu dan bertaqwalah kepada Allah agar kamu dikurniakan rahmat."(10)

Undang-undang Memelihara Ketenteraman Masyarakat Islam

Ini adalah satu dasar undang-undang amali untuk memeliharakan ketenteraman masyarakat Islam dari pergaduhan dan perpecahan kerana didorong oleh tindakan-tindakan hawa nafsu dan tindakan-tindakan yang terburu-buru. Undang-undang ini dikemukakan selepas arahan supaya menyelidik berita-berita yang disampaikan oleh orang yang fasiq dan supaya jangan bertindak gopoh mengikut rasa fanatik dan keghairahan semangat sebelum mendapat maklumat yang benar dan yakin.

Sama ada ayat ini diturunkan dengan sebab peristiwa yang tertentu sebagaimana disebut oleh riwayat-riwayat atau ianya diturunkan sebagai satu perundangan untuk menghadapi keadaan yang seumpama ini, ia merupakan satu dasar umum yang tegas untuk memelihara masyarakat Islam dari perpecahan dan untuk menegakkan kebenaran, keadilan dan perdamaian. Semuanya dilandaskan di atas dasar taqwa kepada Allah dan harapan untuk mendapat rahmat-Nya dengan usaha menegakkan keadilan dan perdamaian.

Al-Qur'an telah menghadapi - atau ia mengandaikan - kemungkinan berlakunya peperangan di antara dua puak orang-orang yang beriman dan mengekalkan sifat keimanan mereka walaupun dua puak itu berperang, dengan ihtimal bahawa salah satu dari dua puak itu adalah zalim atau kedua-duanya zalim belaka dalam mana-mana aspek.

Al-Qur'an meletakkan tugas ke atas bahu orang-orang yang beriman, yang bukan dari dua puak yang berperang itu supaya berusaha mendamaikan perbalahan di antara dua puak itu. Jika salah satu dari keduanya bersikap zalim dan tidak menerima untuk pulang ke jalan yang benar, atau kedua-duanya bersikap zalim dan menolak usaha damai atau enggan menerima hukum Allah dalam masalah-masalah yang menjadi punca pertikaian mereka, maka wajiblah di atas orang-orang Mu'min yang mengusahakan perdamaian itu memerangi pihak-pihak yang zalim itu sehingga mereka pulang kepada hukum Allah, iaitu menamatkan perseteruan di antara orang yang beriman dan menerima hukum Allah dalam menyelesaikan pertikaian yang membawa kepada permusuhan dan peperangan itu. Apabila pihak yang zalim itu menerima hukum Allah, maka sempurnalah tugas orang-orang yang beriman yang mengusahakan perdamaian yang ditegakkan di atas keadilan yang halus demi mematuhi perintah Allah dan mencari keredhaan-Nya.

إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُقْسِطِينَ ﴿٩﴾

"Sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang berlaku adil."(9)

Kemudian seruan dan hukuman ini diiringi dengan sebuah kenyataan yang menarik hati orang-orang yang beriman dan membangkitkan semangat persaudaraan yang kukuh di antara mereka, iaitu semangat persaudaraan yang menyatupadukan mereka selepas perbalahan dan permusuhan dan mengingatkan mereka supaya bertaqwa kepada Allah untuk mendapatkan rahmat-Nya:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا۟ بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya orang-orang Mu'min itu adalah saudara-saudara. Oleh itu damaikanlah di antara saudara-saudara kamu dan bertaqwalah kepada Allah agar kamu dikurniakan rahmat."(10)

Di antara natijah-natijah persaudaraan ini ialah hubungan mesra, keamanan, kerja sama dan perpaduan pastilah menjadi dasar masyarakat Islam, sementara perbalahan dan peperangan hanya merupakan keadaan luar biasa atau pengecualian sahaja yang pasti dikembalikan semula kepada dasar asal sebaik sahaja perbalahan itu tercetus. Dan untuk menegakkan dasar ini dihalalkan memerangi mana-mana puak beriman yang zalim untuk mengembalikan mereka ke dalam barisan dan menghapuskan perbuatan melanggar dasar ini. Ini adalah satu tindakan yang amat keras dan tegas.

Di antara kehendak-kehendak dasar ini lagi ialah orang yang cedera di dalam peperangan tahkim ini tidak boleh diparah dan dibunuh, mana-mana orang yang ditawan tidak boleh dibunuh, mana-mana orang yang lari meninggalkan medan pertempuran dan membuang senjata tidak boleh diburu, dan harta benda puak yang zalim tidak boleh diambil sebagai rampasan perang, kerana tujuan memerangi mereka bukan untuk menghapuskan mereka, malah untuk mengembalikan mereka ke dalam barisan persaudaraan Islam.

Yang menjadi dasar dalam sistem masyarakat umat Islam di merata pelosok alam ialah mereka pasti mempunyai seorang imam yang tunggal. Apabila seorang imam telah dilantik dengan mubaya'ah, maka imam yang kedua pastilah dibunuh, kerana dia dan para pengikutnya dianggap puak penderhaka yang zalim yang pasti diperangi oleh orang-orang Mu'min bersama imam (yang telah dimubaya'ahkan itu). Berpegang dengan dasar inilah al-Imam 'Ali r.a. bertindak memerangi golongan penderhaka yang zalim di dalam Peperangan al-Jamal dan Peperangan Siffin dan turut berperang bersama beliau ialah para sahabat yang besar r.a., tetapi ada setengah-setengah sahabat tidak ikut di dalam peperangan itu. Di antaranya ialah Sa'id, Muhammad ibn Maslamah, Usamah ibn Za'id dan Abdullah ibn 'Umar r.a. Ini mungkin kerana mereka pada masa itu belum lagi nampak kedudukan yang sebenar dalam pergaduhan itu dan memandangnya sebagai satu kejadian

rusuhan fitnah sahaja, atau mungkin kerana mereka - sebagaimana yang dikatakan oleh al-Imam al-Jassas - "memandang al-Imam 'Ali itu sudah cukup dengan orang-orang yang ada bersamanya dan tidak lagi memerlukan kepada sahabat-sahabatnya yang lain dan dengan alasan inilah mereka tidak ikut berperang" tetapi ihtimal pertama adalah lebih kuat. Ini dapat dibuktikan dari kata-kata setengah-setengah sahabat yang tidak ikut berperang itu sebagaimana dibuktikan oleh riwayat mengenai Abdullah ibn 'Umar r.a. bahawa beliau menyesal kerana tidak ikut berperang bersama al-Imam 'Ali.

Di samping ditegakkan dasar ini, ayat ini juga boleh dikuatkuasakan dalam semua keadaan termasuk keadaan-keadaan luar biasa atau pengecualian seperti adanya dua Imam atau lebih di dalam negeri-negeri Islam yang berasingan dan berjauhan. Ini merupakan satu keadaan dharurat yang dikecualikan dari dasar dan undang-undang tersebut. Oleh itu orang-orang Islam wajib memerangi golongan pemberontak bersama Imam yang tunggal itu apabila mereka memberontak melawannya, atau apabila ada satu golongan bertindak zalim di atas satu golongan yang lain di dalam pemerintahannya tanpa memberontak melawannya. Begitu juga orang-orang Islam wajib memerangi golongan-golongan yang zalim yang timbul di dalam mana-mana negeri Islam yang mempunyai lebih dari satu Imam yang merupakan keadaan luar biasa yang dikecualikan iaitu dengan bersatu padu menentang golongan yang zalim itu sehingga mereka kembali kepada hukum Allah. Demikianlah ayat ini dapat dikuatkuasakan dalam semua suasana dan keadaan.

Jelaslah bahawa peraturan tahkim dan memerangi golongan yang zalim sehingga mereka balik kepada hukum Allah ini merupakan peraturan yang mendahului - dari aspek masa - segala usaha-usaha manusia yang menuju ke arah itu. Peraturan itu merupakan satu peraturan yang sempurna dan bersih dari cacat cela yang jelas terdapat dalam usaha-usaha manusia yang lemah dan malang yang dilakukan ke arah itu. Di samping itu peraturan ini juga merupakan satu peraturan yang bersih, amanah dan adil kerana ia berhakimkan kepada hukum Allah yang bersih dari kepentingan dan kehendak hawa nafsu dan bersih dari kekurangan dan kelemahan, tetapi malangnya manusia masih terus suka berjalan dengan keadaan pincang dan tempang, jatuh dan rebah, sedangkan di hadapan mereka terbentang jalan Allah yang terang dan lurus.

******

(Pentafsiran ayat 11)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُونُوا۟ خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَآءٌ مِّن نِّسَآءٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا۟ بِٱلْأَلْقَٰبِ بِئْسَ ٱلِٱسْمُ ٱلْفُسُوقُ بَعْدَ ٱلْإِيمَٰنِ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿١١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum menghinakan satu kaum yang lain kerana boleh jadi kaum yang dihinakan itu lebih baik dari kaum yang menghina, dan janganlah pula wanita-wanita menghinakan wanita-wanita yang lain kerana boleh jadi wanita-wanita yang dihinakan itu lebih baik dari wanita yang menghina. Dan janganlah kamu mengaibkan diri kamu sendiri dan janganlah kamu panggil memanggil di antara kamu dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk nama ialah nama fasiq sesudah seseorang itu beriman dan barang siapa yang tidak bertaubat, maka merekalah orang-orang yang zalim."(11)

Undang-undang Memelihara Kehormatan Anggota-anggota Masyarakat Islam

Masyarakat gemilang yang ditegakkan Islam dengan bimbingan Al-Qur'an itu adalah sebuah masyarakat yang mempunyai adab sopan yang tinggi. Setiap warganya mempunyai kehormatan yang tidak boleh disentuh kerana kehormatannya merupakan sebahagian dari kehormatan masyarakat. Perbuatan mengaibkan mana-mana warganya bererti mengaibkan diri sendiri kerana masyarakat itu merupakan satu kesatuan yang mempunyai satu kehormatan.

Di dalam ayat ini Al-Qur'an menyeru orang-orang Mu'min dengan seruan yang mesra: يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ **("Wahai orang-orang yang beriman!")** dan melarang mereka supaya jangan ada kaum lelaki yang menghinakan kaum lelaki yang lain kerana boleh jadi mereka yang dihinakan itu lebih baik dari mereka, dan jangan ada kaum wanita yang menghinakan kaum wanita yang lain kerana boleh jadi mereka yang dihinakan itu lebih baik dari mereka mengikut pertimbangan neraca Allah.

Ungkapan ayat ini mengandungi satu saranan yang halus bahawa nilai-nilai lahir yang dilihat kaum lelaki dan kaum wanita pada diri mereka itu bukanlah nilai-nilai hakiki yang dapat digunakan untuk mengukur manusia. Di sana ada nilai-nilai lain yang mungkin tersembunyi kepada mereka, iaitu nilai-nilai yang diketahui Allah dan yang digunakannya untuk mengukur manusia. Kadang-kadang lelaki yang kaya menghinakan lelaki yang miskin, lelaki yang kuat menghinakan lelaki yang lemah, lelaki yang biasa menghinakan lelaki yang luar biasa, lelaki yang cerdik menghinakan lelaki yang bodoh, lelaki yang banyak anak menghinakan lelaki yang mandul, lelaki yang ada ibubapa menghinakan lelaki yang yatim piatu. Kadang-kadang perempuan yang cantik menghinakan perempuan yang hodoh, perempuan yang muda menghinakan perempuan yang tua, perempuan yang tidak cacat menghinakan perempuan yang cacat dan perempuan yang kaya menghinakan perempuan yang miskin. Tetapi semua nilai-nilai ini dan sebagainya adalah dari nilai-nilai bumi yang tidak boleh dijadikan ukuran-ukuran kerana pertimbangan neraca Allah

yang mengangkat dan menjatuhkan seseorang itu bukantah didasarkan di atas nilai-nilai seperti itu.

Tetapi Al-Qur'an tidak hanya berpada dengan saranan yang halus itu, malah ia membangkitkan sentimen persaudaraan keimanan dan mengingatkan orang-orang yang beriman bahawa mereka semua adalah ibarat satu diri sahaja dan barang siapa yang mencela orang lain bererti mencela dirinya sendiri:

وَلَا تَلْمِزُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ

"Dan janganlah kamu mengaibkan diri kamu sendiri."(11)

Kata-kata "تلمزوا" (mengaibkan) itu sendiri mempunyai satu nada dan bayangan tertentu. Ia seolah-olah merupakan satu tikaman fizikal bukannya keaiban mental.

Di antara perbuatan-perbuatan yang menghina dan mengaib ialah perbuatan panggil memanggil dengan gelaran-gelaran yang buruk yang tidak disukai oleh seseorang, iaitu gelaran-gelaran yang dirasakan menghina dan mengaibkannya. Di antara kewajipan Mu'min terhadap Mu'min yang lain ialah tidak memanggilnya dengan apa sahaja gelaran yang tidak disukainya dan dirasakannya terhina. Rasulullah s.a.w. telah mengubahkan berbagai-bagai nama dan gelaran-gelaran orang-orang Islam yang dipakai di zaman jahiliyah kerana nama-nama dan gelaran-gelaran itu menurut perasaan beliau yang halus dan hati beliau yang luhur adalah menghinakan tuan-tuan tubuh yang memakainya atau kerana nama-nama dan gelaran itu memberi sifat-sifat yang buruk kepada mereka.

Setelah ayat ini menyarankan nilai-nilai hakiki di dalam neraca Allah dan setelah membangkitkan semangat persaudaraan Islam dan perpaduan sebagai satu tubuh, ia membangkitkan pula kedudukan keimanan dan mengingatkan orang-orang Mu'min supaya sifat keimanan itu tidak hilang dari mereka, juga mengingatkan mereka supaya jangan menyeleweng dari keimanan dengan perbuatan menghina, mengaib dan memalukan sesama mereka dengan gelaran-gelaran yang keji:

بِئْسَ ٱلِٱسْمُ ٱلْفُسُوقُ بَعْدَ ٱلْإِيمَـٰنِ ۚ

"Seburuk-buruk nama ialah nama fasiq sesudah seseorang itu beriman."(11)

Kefasiqan atau penyelewengan dari keimanan itu merupakan sesuatu yang menyerupai perbuatan murtad. Ayat ini seterusnya mengancam perbuatan fasiq dan menganggapkannya sebagai satu perbuatan yang zalim, dan kezaliman itu pula adalah salah satu dari pengungkapan-pengungkapan syirik:

وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّـٰلِمُونَ ﴿١١﴾

"Barang siapa yang tidak bertaubat, maka merekalah orang-orang yang zalim."(11)

Demikianlah ayat ini meletakkan asas-asas adab sopan bagi masyarakat Islam yang gemilang dan luhur itu.

******

(Pentafsiran ayat 12)

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱجْتَنِبُوا۟ كَثِيرًا مِّنَ ٱلظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ ٱلظَّنِّ إِثْمٌ ۖ وَلَا تَجَسَّسُوا۟ وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا ۚ أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan prasangka kerana setengah-setengah prasangka itu berdosa. Dan janganlah kamu mengintip dan janganlah kamu mengumpat satu sama lain. Apakah seseorang dari kamu suka makan daging saudaranya yang telah mati? Sudah tentulah kamu jijikkannya. Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Menerima taubat dan Maha Pengasih."(12)

Ayat ini pula mendirikan satu lagi pagar kawalan di dalam masyarakat Islam untuk melindungi kehormatan dan kebebasan individu-individu apabila ia mengajar manusia supaya membersihkan perasaan dan dhamir mereka dengan uslub yang menarik.

Ia juga dimulakan dengan seruan yang mesra "Wahai orang-orang yang beriman!" Kemudian ia menyuruh mereka supaya menjauhi kebanyakan prasangka-prasangka dan jangan membiarkan hati mereka menjadi sarang prasangka dan keraguan-keraguan terhadap orang-orang lain kerana:

إِنَّ بَعْضَ ٱلظَّنِّ إِثْمٌ ۖ

"Setengah-setengah prasangka itu berdosa."(12)

Oleh kerana larangan itu ditujukan kepada kebanyakan prasangka, sedangkan setengah-setengah prasangka itu pula berdosa, maka ayat ini bererti menyarankan supaya menjauhi semua prasangka buruk, kerana seseorang itu tidak mengetahui manakah di antara prasangka-prasangkanya yang dikatakan berdosa.

Dengan ini Al-Qur'an membersihkan dhamir dari dalam supaya tidak tercemar dengan prasangka yang buruk hingga jatuh ke dalam dosa. Ia meninggalkan dhamir itu suci dari segala was-was dan keraguan, putih bersih serta menaruh perasaan kemesraan terhadap saudara-saudaranya tanpa tergores oleh prasangka. Itulah perasaan suci yang tidak dinodai keraguan-keraguan, dan perasaan yang tenang tenteram yang tidak dikeruhkan perasaan gelisah dan keluh kesah. Alangkah selesanya hidup dalam sebuah masyarakat yang bersih dari prasangka-prasangka.

Tetapi, dalam perkara ini Islam tidak terhenti setakat ufuk yang gemilang dan luhur ini sahaja dalam mendidik dhamir dan hati, malah ayat ini menegakkan dasar berinteraksi dengan orang lain dan mendirikan pagar kawalan untuk melindungi hak-hak orang lain yang hidup dalam masyarakat Islam yang bersih. Mereka tidak boleh dipersalahkan dengan sesuatu prasangka dan tidak boleh dihukumkan dengan keraguan, tidak boleh dijadikan asas untuk membicarakan mereka, malah tidak boleh dijadikan asas untuk memeriksa dan menyiasatkan diri mereka. Rasulullah s.a.w. bersabda:[3]

اذا ظننت فلا تحقق

"Jika engkau menaruh prasangka (terhadap seseorang), maka janganlah engkau membenarkannya."

Ini bererti bahawa semua orang itu bersih tidak bersalah. Hak kebebasan dan kehormatan mereka terpelihara sehingga terdapat bukti yang jelas bahawa mereka benar-benar bersalah, prasangka sahaja tidak cukup untuk mengesan jejak mereka kerana hendak mempastikan sejauh mana benarnya prasangka yang berlegar di sekitar mereka.

Alangkah jauhnya matlamat ayat ini untuk menjaga dan memelihara kehormatan, kebebasan dan hak-hak manusia, dan bandingkanlah langkah-langkah yang dibangga-banggakan oleh kerajaan-kerajaan yang paling baik di dunia ini dari aspek amalan demokrasi, kebebasan dan memelihara hak-hak manusia dibandingkan dengan matlamat yang diserukan Al-Qur'anul-Karim agar dijunjung oleh orang-orang yang beriman, iaitu matlamat yang menjadi asas masyarakat Islam dan matlamat yang telah direalisasikan di alam kenyataan setelah direalisasikannya di alam dhamir.

Kemudian Al-Qur'an menyebut satu lagi dasar untuk menjamin ketenteraman masyarakat yang ada kaitan dengan arahan menjauhi prasangka: وَلَا تَجَسَّسُوا (**"Dan janganlah kamu mengintip"**).

Tindakan mengintip (تجسس) mencari keaiban orang yang kadang-kadang merupakan tindakan susulan dari prasangka buruk terhadap mereka. Dan kadang-kadang ia merupakan tindakan permulaan untuk mencari dan mengetahui keaiban-keaiban dan keburukan-keburukan orang lain.

Al-Qur'an menentang perbuatan yang hina ini dari aspek membersihkan hati manusia dari kecenderungan yang jahat untuk memeriksa keaiban-keaiban dan keburukan-keburukan orang lain sesuai dengan matlamat-matlamat Al-Qur'an yang mahu menegakkan kebersihan akhlak dan kesucian hati.

Malah dari segi kesannya, persoalan ini adalah lebih jauh dari itu lagi. Ia merupakan salah satu dari dasar-dasar Islam yang pokok di dalam sistem kemasyarakatannya dan di dalam tatacara perundangan dan pelaksanaannya.

Manusia mempunyai kebebasan dan kehormatan mereka masing-masing yang tidak harus dicabul dengan apa cara sekalipun dan tidak boleh disentuh dengan apa cara sekalipun.

Di dalam masyarakat Islam yang luhur, manusia hidup aman sentosa terhadap diri mereka, rumahtangga mereka, rahsia-rahsia mereka dan keaiban-keaiban mereka. Tidak ada alasan yang membenarkan untuk mencabul kehormatan diri, rumah tangga, rahsia dan keaiban-keaiban mereka. Hingga alasan untuk kepentingan siasatan jenayah tidak layak dijadikan alasan untuk mengintip dan mencari keaiban-keaiban orang lain. Manusia itu harus dilihat zahir mereka sahaja dan tiada seorang pun yang berhak memeriksa bathin mereka. Tiada seorang pun yang boleh menangkap atau mempersalahkan mereka melainkan dengan kesalahan-kesalahan dan jenayah-jenayah yang jelas dilakukan mereka. Tiada seorang pun yang berhak menaruh prasangka buruk atau menduga mereka akan melakukan kesalahan, lalu ia pun mengintip mereka, walaupun ia tahu mereka pernah melakukan sesuatu kesalahan secara sembunyi-sembunyi dan dia hanya berhak menangkap mereka ketika mereka melakukan jenayah itu dan ketika terdedahnya jenayah itu. Di samping itu terdapat pula berbagai-bagai jaminan yang lain yang dinaskan oleh syarak bagi setiap jenayah.

Ujar Abu Daud: Kami telah diceritakan oleh Abu Bakr ibn Abu Syaibah katanya: Kami telah diceritakan oleh Abu Mu'awiyah dari al-A'masy dari Zaid ibn Wahab katanya: Abdullah ibn Mas'ud datang, lalu ada orang berkata kepadanya: Si polan itu janggutnya menitis dengan arak. Jawab Abdullah: "Kita dilarang mengintip mencari kesalahan orang lain, tetapi jika kesalahan itu benar-benar ternampak kepada kita, bolehlah kita menangkapnya."

Dari Mujahid:

لا تجسسوا ، خذوا بما ظهر لكم ، ودعوا ما ستر الله

"Janganlah kamu mengintip (mencari kesalahan orang lain), ambillah dengan kesalahan yang nampak kepada kamu sahaja dan tinggalkanlah kesalahan yang dilindungi Allah."

Menurut riwayat Imam Ahmad dengan sanadnya dari Dujayn kerani Uqbah katanya: Aku berkata kepada 'Uqbah: "Kami ada jiran-jiran yang minum arak, aku mahu memanggil mata-mata menangkap mereka". Jawab 'Uqbah: "Jangan buat begitu, nasihatkan mereka dan ugut mereka." Kata Dujayn, dia pun berbuat begitu tetapi mereka tidak juga berhenti. Kata rawi: Dujayn pun datang menemui 'Uqbah dan berkata kepadanya: "Aku mahu memanggil mata-mata menangkap mereka". Jawab 'Uqbah: "Jangan buat begitu kerana aku dengar Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

من ستر عورة مؤمن فكأنما استحيا مؤودة من قبرها

[3] *Dikeluarkannya oleh at-Tabrani dari Harithah ibn al-Nu'man.*

"Barang siapa yang menutup keaiban seseorang Mu'min, maka seolah-olah dia menghidupkan kanak-kanak yang ditanam hidup-hidup dari kuburnya."

(Riwayat Abu Daud dan al-Nasa'i)

Kata Sufyan ath-Thauri dari Rasyid ibn Sa'd dari Mu'awiyah ibn Abu Sufyan katanya: Aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

إنك إن اتبعت عورات الناس أفسدتهم أو كدت أن تفسدهم .

"Sesungguhnya jika engkau mencari-cari keaiban-keaiban orang lain bererti engkau telah merosakkan mereka atau engkau hampir-hampir merosakkan mereka."

(Riwayat Abu Daud)

Kata Abu ad-Darda' r.a.: Itulah perkataan yang didengar oleh Mu'awiyah r.a. dari Rasulullah s.a.w., semoga Allah jadikannya berguna kepadanya.

Demikianlah ayat ini menjadi undang-undang yang diamalkan di dalam masyarakat Islam. Ayat ini bukan semata-mata nasihat untuk mendidik dhamir dan membersihkan hati, malah ia merupakan pagar kawalan yang melindungi kehormatan manusia, hak-hak dan kebebasan mereka yang tidak boleh disentuh dari dekat atau dari jauh di bawah apa sahaja alasan atau tabiran.

Bandingkanlah pencapaian Islam yang jauh dan tinggi ini dengan pencapaian yang dibangga-banggakan oleh umat yang paling kuat dari aspek amalan demokrasi, kebebasan dan memelihara hak-hak manusia setelah dilalui seribu empat ratus tahun!

Kemudian datang pula larangan mengumpat melalui satu ungkapan yang menarik dan indah.

وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ

"Janganlah kamu mengumpat satu sama lain. Apakah seorang dari kamu suka makan daging saudaranya yang telah mati? Sudah tentu kamu jijikkannya."(12)

Larangan mengumpat itu disertakan dengan satu pemandangan yang menjijikkan seorang manusia yang mempunyai hati yang paling tebal dan mempunyai jiwa yang paling kebas perasaannya iaitu pemandangan seorang manusia memakan daging bangkai saudaranya yang telah mati. Kemudian Al-Qur'an dengan segera menjelaskan bahawa mereka sudah tentu merasa jijik terhadap perbuatan itu dan ini membayangkan bahawa mereka merasa jijik terhadap umpat mengumpat itu.

Kemudian larangan melakukan perbuatan-perbuatan itu diiringi dengan sebuah kenyataan yang merangsangkan perasaan taqwa dan menyarankan kepada setiap orang yang melakukan sesuatu dari perbuatan-perbuatan ini supaya segera bertaubat untuk mendapatkan rahmat Allah:

"Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat dan Maha Pengasih."(12)

Ayat ini menyerap dalam kehidupan masyarakat Islam dan kemudian menjelma menjadi pagar kawalan yang melindungi kehormatan manusia dan menjadi adab sopan yang mendalam di dalam jiwa dan hati manusia. Rasulullah s.a.w. telah menekankan adab sopan ini supaya selaras dengan uslub Al-Qur'an yang merangsangkan perasaan jijik terhadap momok perbuatan mengumpat yang keji itu.

Dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud: Kami telah diceritakan oleh al-Qa'nabi, kami telah diceritakan oleh Abdul Aziz ibn Muhammad dari al-'Ala' dari bapanya dari Abu Hurayrah katanya: Ada orang bertanya: "Wahai Rasulullah! Apakah ta'rif mengumpat?" Jawab Rasulullah s.a.w.:

ذكرك أخاك بما يكره .

"Engkau menyebut perihal saudaramu dengan apa sahaja yang tidak disukainya."

Kemudian orang bertanya lagi: "Terangkanlah kepada kami bagaimana jika saudaraku itu mempunyai sesuatu (kecelaan) yang wajar saya katakan?" Jawab Rasulullah s.a.w.:

إن كان فيه ما تقول لقداغتبته، وإن لم يكن فيه ما تقول فقد بهته .

"Jika dia mempunyai sesuatu (kecelaan) yang dapat engkau katakan bererti engkau telah mengumpatnya, dan jika ia tidak mempunyai sesuatu (kecelaan) yang dapat engkau katakan bererti engkau telah berdusta terhadapnya."

(Diriwayatkan oleh at-Tirmizi dan beliau mensahihkannya)

Kata Abu Daud: Kami telah diceritakan oleh Musaddad, kami telah diceritakan oleh Yahya dari Sufyan, saya telah diceritakan oleh 'Ali ibn al-Aqmar dari Abu Huzayfah dari 'Aisyah r.a. katanya: "Aku telah berkata kepada Nabi s.a.w.: Cukuplah anda dengan Safiyah (isteri Nabi) yang begitu begini". (Kata Abu Daud dari Musaddad: 'Aisyah bermaksud menyindir bahawa Safiyah itu pendek orangnya) Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda:

لقد قلت كلمة لو مزجت بماء البحر لمزجته .

"Anda telah mengeluarkan satu perkataan (yang keji) jika dicampur dengan air lautan nescaya ia akan mengeruhkannya."

Kata Aisyah: "Aku telah menceritakan kepada Rasulullah s.a.w. perihal seorang yang lain, beliau menjawab:

ما أحب أني حكيت إنساناً وأن لي كذا وكذا .

"Aku tidak suka menceritakan hal orang lain sedangkan aku mempunyai begini begini."

Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan sanadnya dari Anas ibn Malik katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.: "Pada masa aku dimi'rajkan, aku telah melalui sekumpulan manusia yang berkuku tembaga sedang mencakar muka dan dada mereka, lalu aku pun bertanya: "Siapakah mereka, wahai Jibrail?" Jawab beliau:

هؤلاء الذين يأكلون لحوم الناس ويقعون في أعراضهم.

"Itulah orang-orang yang makan daging manusia dan mengumpat mereka".

Apabila Ma'iz mengaku berzina dengan perempuan al-Ghamidiyah dan kedua-duanya telah direjamkan oleh Rasulullah s.a.w. setelah kedua-duanya mengaku secara sukarela dan mendesak supaya mereka direjamkan untuk membersihkan diri mereka, tiba-tiba Nabi s.a.w. mendengar dua orang lelaki bercakap-cakap. Salah seorangnya berkata kepada temannya: "Tengoklah orang ini (Ma'iz), dia telah dilindungkan Allah, tetapi dia tidak diam hingga dia direjam seperti seekor anjing." Kemudian Rasulullah s.a.w. terus berjalan sehingga terserempak dengan bangkai keldai, lalu beliau bersabda: "Di mana si anu dan si anu? Turunlah kamu berdua di sini dan makanlah bangkai keldai ini." Kedua orang lelaki, itu pun menjawab: "Allah mengurniakan keampunan kepadamu wahai Rasulullah! Apakah bangkai ini boleh dimakan?" Jawab Rasulullah s.a.w.: "Perkataanmu yang mengumpat saudaramu (Ma'iz) tadi lebih keji dari makan bangkai ini. Demi nyawaku di dalam tangan qudrat kuasa-Nya, dia (Ma'iz) sekarang sedang bermandi-manda di dalam sungai-sungai Syurga."(Diriwayatkan oleh Ibn Kathir dalam tafsirnya dan berkata sanadnya adalah sahih).

Dengan rawatan yang tetap seperti Inilah masyarakat Islam menjadi bersih dan meningkat tinggi dan akhirnya mencapai kemuncaknya yang menjadi suatu impian yang hidup di bumi dan suatu contoh yang terlaksana di dalam realiti sejarah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 13)

Tujuan Manusia Dijadikan Berbagai-bagai Bangsa Dan Suku Kaum Dan Nilai Mereka Yang Sebenar

Setelah menghadapkan seruan demi seruan kepada orang-orang Mu'min dan membawa mereka ke ufuk yang luhur di dalam berbagai-bagai adab sopan yang berkaitan dengan diri dan masyarakat, dan setelah mendirikan pagar-pagar jaminan yang kuat untuk memelihara maruah, kebebasan dan kehormatan-kehormatan dan menjaminkan semuanya itu dengan rasa kepekaan yang dirangsangkan di dalam jiwa mereka melalui tawajjuh kepada Allah dan bertaqwa kepada-Nya, dan setelah mendaki anak-anak tangga ini menuju ke ufuk yang tinggi itu, Al-Qur'an menyeru pula umat manusia dari berbagai-bagai bangsa dan warna untuk memulangkan mereka kepada asal-usul yang satu dan membawa mereka kepada neraca yang satu yang menjadi landasan masyarakat Mu'min yang terpilih yang telah meningkat ke ufuk yang tinggi:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَٰكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَٰكُمْ شُعُوبًا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓا۟ ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

"Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu lelaki dan perempuan dan Kami telah jadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan berbagai-bagai suku supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguh-nya Allah Maha Mengetahui dan Maha Pakar."(13)

Maksudnya, wahai manusia dari berbagai-bagai bangsa, warna dan suku-suku! Sesungguhnya kamu adalah berasal dari satu keturunan sahaja. Oleh kerana itu janganlah kamu berpecah belah dan bersengketa antara satu sama lain.

Wahai manusia! Sesungguhnya yang mengemukakan seruan ini kepada kamu ialah Allah sendiri yang telah menciptakan kamu lelaki dan perempuan. Dialah yang mengemukakan kepada kamu bahawa tujuan Dia menciptakan kamu dengan berbagai-bagai bangsa dan suku itu bukanlah supaya kamu bergaduh dan berseteru antara satu sama lain, malah supaya kamu berkenal-kenalan dan bermesra antara satu sama lain. Perbezaan bahasa dan warna kulit, perbezaan tabiat dan akhlak, perbezaan kebolehan dan bakat-bakat adalah perbezaan-perbezaan yang tidak seharusnya membawa kepada pergaduhan dan perbalahan, malah perbezaan-perbezaan itu sewajarnya membawa kepada tolong-menolong dan kerjasama yang erat untuk melaksanakan tugas-tugas kemanusiaan dan melengkapkan keperluan-keperluan umat manusia. Warna kulit, bangsa, bahasa, negara dan sebagainya tidak mempunyai sebarang nilai di dalam neraca Allah, kerana di sana hanya neraca taqwa sahaja merupakan satu-satunya neraca yang menentukan nilai dan kelebihan manusia:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۚ

"Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu."(13)

Orang yang mulia yang sebenar ialah orang yang mulia di sisi Allah. Dialah yang menilai kamu menurut ilmu-Nya yang maha mendalam tentang nilai-nilai dan ukuran-ukuran:

إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Pakar."(13)

Demikianlah gugurnya segala titik-titik perbezaan dan gugurnya segala nilai-nilai dan ukuran-ukuran. Hanya nilai taqwa sahaja satu-satunya neraca yang tegak. Inilah satu-satunya neraca dan satu-satunya nilai untuk menjadi asas rujukan kepada umat manusia yang berbagai-bagai warna dan jenis itu.

Dan demikian terhapusnya segala punca-punca perselisihan dan persengketaan di muka bumi ini, dan jatuhnya nilai-nilai yang lain yang menjadi rebutan manusia itu, dan munculnya satu faktor besar yang jelas untuk bermesra dan saling membantu, iaitu Uluhiyah Allah itu dijunjung seluruh bangsa manusia yang diciptakan-Nya dari asal-usul yang satu, di samping terkibarnya satu panji-panji, di mana seluruh manusia harus berlumba-lumba untuk berdiri tegak di bawah kibarannya. Itulah panji-panji taqwa di bawah naungan Allah. Itulah panji-panji yang dikibarkan Islam untuk menyelamatkan manusia dari perseteruan-perseteruan 'asabiyah bangsa, 'asabiyah negeri, 'asabiyah etnik dan 'asabiyah keluarga, dan seluruh 'asabiyah ini adalah terbit dari jahiliyah dan membawa kepada jahiliyah yang memakai berbagai-bagai pakaian dan berbagai-bagai nama, tetapi semuanya jahiliyah yang kosong dari Islam.

Islam telah memerangi 'asabiyah jahiliyah ini dalam berbagai-bagai bentuk rupanya untuk menegakkan sistem insaniyah global di bawah naungan panji-panji Allah, bukan panji-panji negara, bukan panji-panji kaum, bukan panji-panji keluarga dan bukan panji-panji bangsa kerana seluruh panji-panji itu adalah palsu tidak diakui Islam.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

كلكم بنوا آدم، وآدم خلق من تراب. وليتهين قوم يفخرون بآبائهم أو ليكونن أهون على الله تعالى من الجعلان .

"Seluruh kamu dari keturunan Adam, dan Adam diciptakan dari tanah. Hendaklah kaum yang berbangga-bangga dengan datuk nenek mereka itu berhenti (dari berbuat begitu) atau mereka akan jadi lebih rendah di sisi Allah dari serangga kumbang." [4]

Sabda Rasulullah s.a.w. menerangkan 'asabiyah jahiliyah:

دعوها فإنها منتنة .

"Tinggalkan 'asabiyah itu kerana ia adalah sesuatu yang busuk." [5]

Inilah tapak tegak masyarakat Islam iaitu satu masyarakat insaniyah global yang telah diperjuangkan oleh umat manusia dalam imaginasi mereka untuk merealisasikan masyarakat insaniyah global itu dalam salah satu bentuknya yang banyak itu, tetapi menempuh kegagalan kerana mereka tidak mengikut satu-satunya jalan yang lurus menuju kepada Allah dan kerana mereka tidak berdiri di bawah panji-panji yang sama iaitu panji-panji Allah.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 14 - 18)

Hakikat Keimanan Dan Kesannya Pada Jiwa Manusia Dan Kehidupannya

Pada akhir surah ini, tibalah masa yang sesuai untuk menerangkan hakikat keimanan dan nilainya sebagai jawapan kepada orang-orang Arab Badwi yang berkata **"kami telah beriman"**(آمنا), sedangkan mereka belum lagi memahami hakikat keimanan. Mereka juga merasa telah membuat budi kepada Rasulullah s.a.w. dengan keislaman mereka, sedangkan mereka tidak menghargai ni'mat Allah yang telah mengurniakan keimanan kepada hamba-hamba-Nya:

قَالَتِ ٱلْأَعْرَابُ ءَامَنَّا قُل لَّمْ تُؤْمِنُوا۟ وَلَٰكِن قُولُوٓا۟ أَسْلَمْنَا وَلَمَّا يَدْخُلِ ٱلْإِيمَٰنُ فِى قُلُوبِكُمْ وَإِن تُطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ لَا يَلِتْكُم مِّنْ أَعْمَٰلِكُمْ شَيْـًٔا إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤﴾

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّٰدِقُونَ ﴿١٥﴾

قُلْ أَتُعَلِّمُونَ ٱللَّهَ بِدِينِكُمْ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿١٦﴾

يَمُنُّونَ عَلَيْكَ أَنْ أَسْلَمُوا۟ قُل لَّا تَمُنُّوا۟ عَلَىَّ إِسْلَٰمَكُم بَلِ ٱللَّهُ يَمُنُّ عَلَيْكُمْ أَنْ هَدَىٰكُمْ لِلْإِيمَٰنِ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿١٧﴾

إِنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ غَيْبَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

---

[4] *Diriwayatkan oleh Abu al-Bazzar dalam musnadnya dari hadith Huzayfah.*

[5] *Diriwayatkan oleh Muslim dalam Sahihnya dari hadith Jabir ibn Abdullah.*

"Orang-orang Arab Badwi berkata: Kami telah beriman. Katakanlah (kepada mereka): Kamu belum lagi beriman, tetapi katakanlah: Kami telah memeluk Islam kerana keimanan belum lagi meresap ke dalam hati kamu. Dan jika kamu ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya, maka Allah tidak akan mengurangkan sedikit pun pahala amalan kamu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(14). Sesungguhnya orang-orang Mu'min yang sebenar ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya kemudian mereka tidak ragu-ragu dan berjihad dengan harta benda mereka dan jiwa raga mereka demi jalan Allah. Merekalah orang-orang yang sebenar beriman(15). Katakanlah: Apakah kamu hendak memberitahu kepada Allah tentang agama kamu (keimanan kamu) sedangkan Allah mengetahui segala isi langit dan segala isi bumi. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu(16). Mereka merasa mereka telah berbudi kepadamu kerana mereka memeluk Islam. Katakanlah: Janganlah kamu merasa berbudi kepada aku dengan keislaman kamu itu, malah Allahlah yang telah berbudi kepada kamu dengan memimpin kamu kepada keimanan jika benar kamu beriman(17). Sesungguhnya Allah mengetahui segala sesuatu yang ghaib di langit dan di bumi. Dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu."(18)

Menurut satu pendapat, ayat ini diturun mengenai orang-orang Arab Badwi Bani Asad. Mereka berkata: "Kami telah beriman" ketika mula-mula mereka memeluk Islam dan mereka membangkit-bangkitkan budi mereka kepada Rasulullah s.a.w. Mereka berkata: "Wahai Rasulullah! Kami telah memeluk Islam. Orang-orang Arab yang lain telah memerangi anda, sedangkan kami tidak memerangi anda", oleh itu Allah mahu memberitahu kepada mereka hakikat pegangan yang tersemat di hati mereka ketika mereka mengucapkan perkataan itu. Mereka telah memeluk Islam, tetapi hati mereka belum lagi sampai kepada martabat keimanan. Lalu Allah menunjukkan dengan ayat ini bahawa hakikat keimanan itu belum lagi tertanam di dalam hati mereka dan belum lagi meresap di dalam jiwa mereka:

قَالَتِ ٱلْأَعْرَابُ ءَامَنَّا ۖ قُل لَّمْ تُؤْمِنُوا۟ وَلَٰكِن قُولُوٓا۟ أَسْلَمْنَا وَلَمَّا يَدْخُلِ ٱلْإِيمَٰنُ فِى قُلُوبِكُمْ ۖ

"Katakanlah (kepada mereka): Kamu belum lagi beriman, tetapi katakanlah: Kami telah memeluk Islam kerana keimanan belum lagi meresap ke dalam hati kamu."(14)

Namun demikian kemurahan Allah tetap akan membalas setiap amalan yang baik yang dilakukan mereka tidak kurang sedikit pun. Keislaman yang zahir yang belum lagi menyerap ke dalam hati menjadi keimanan yang kukuh itu sudah cukup untuk menjadikan amalan-amalan mereka yang baik itu diberi pahala dan tidak sia-sia seperti sia-sianya amalan-amalan orang yang kafir dan pahalanya tidak kurang sedikit pun di sisi Allah selama mereka ta'at dan patuh:

وَإِن تُطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ لَا يَلِتْكُم مِّنْ أَعْمَٰلِكُمْ شَيْـًٔا ۚ

"Jika kamu ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya, maka Allah tidak akan mengurangkan sedikit pun pahala amalan kamu."(14)

Ini ialah kerana Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih. Dia menerima hamba-hamba-Nya di permulaan langkah lagi dan meredhai keta'atan dan kepatuhan mereka sehingga hati mereka benar-benar diresapi keimanan dan keyakinan:

إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(14)

Kemudian Al-Qur'an menerangkan hakikat keimanan:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّٰدِقُونَ ﴿١٥﴾

"Sesungguhnya orang-orang Mu'min yang sebenar ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya kemudian mereka tidak ragu-ragu dan berjihad dengan harta benda mereka dan jiwa raga mereka demi jalan Allah. Merekalah orang-orang yang sebenar beriman."(15)

Keimanan itu ialah tasdiq hati terhadap Allah dan Rasul-Nya (تصديق القلب با لله وبرسوله), iaitu tasdiq yang tidak dilanda sebarang syak dan keraguan, tasdiq yang yakin, teguh dan mantap yang tidak bergoncang dan tidak bergoyang, tidak diganggu was-was, tasdiq hati dan perasaan yang tidak teragak-agak, tasdiq yang melahirkan kesanggupan berkorban dengan harta benda dan jiwa raga kerana Sabilullah. Apabila hati mengecapi kemanisan iman dan yakin kepadanya nescaya ia akan bertindak melahirkan hakikatnya di luar hati iaitu di alam kenyataan, alam kehidupan manusia. Ia mahu menyelaraskan di antara hakikat iman di dalam hatinya dengan hakikat iman di alam kenyataan dan kehidupan yang melingkungi dirinya. Ia tidak dapat bersabar melihat perbezaan di antara gambaran iman di dalam hatinya dengan gambaran iman dalam kenyataan di sekelilingnya, kerana perbezaan itu menyakit dan menyedihkannya pada setiap waktu. Dari sini timbullah keinginan berjihad kerana Sabilullah dengan harta benda dan jiwa raga iaitu keinginan spontan dari jiwa orang yang beriman untuk mewujudkan satu gambaran yang gemilang di dalam hatinya supaya terjelma di dalam kehidupan manusia. Perseteruan di antara orang yang Mu'min dengan kehidupan jahiliyah di sekelilingnya adalah satu perseteruan yang spontan yang terbit dari ketidakmampuannya untuk hidup dengan dua wajah yang berlainan di antara kefahaman keimanannya dengan realiti hidup amalinya, juga terbit dari ketidakmampuannya untuk menyerah kefahaman keimanannya yang sempurna, indah dan lurus itu kepada realiti hidup amalinya yang cacat dan menyeleweng. Oleh itu peperangan di antaranya dengan jahiliyah yang ada di sekelilingnya terpaksa

dicetuskan sehingga jahiliyah ini tunduk kepada konsep keimanan dan kepada kehidupan keimanan.

أُولَٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّٰدِقُونَ ﴿١٥﴾

"Merekalah orang-orang yang sebenar beriman."(15)

Merekalah orang-orang yang benar-benar kukuh di dalam 'aqidah mereka dan merekalah orang-orang yang benar apabila mereka berkata bahawa mereka adalah orang-orang yang beriman. Apabila kesedaran keimanan itu tidak wujud di dalam hati dan kesannya juga tidak wujud di alam realiti kehidupan, maka ini bererti ketulenan iman itu tidak wujud dan dakwaan beriman itu tidak berasas.

Marilah kita berhenti sejenak di hadapan kenyataan hemat yang diselang di dalam ayat ini:

إِنَّمَا ٱلۡمُؤۡمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ثُمَّ لَمۡ يَرۡتَابُواْ

"Sesungguhnya orang-orang Mu'min yang sebenar ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya kemudian mereka tidak ragu-ragu."(15)

Kenyataan yang akhir ini bukan kenyataan kosong, malah satu kenyataan yang menyentuh pengalaman yang benar-benar berlaku dan melayani satu keadaan yang timbul di dalam hati seseorang walaupun setelah ia beriman. Kenyataan hemat ini sama dengan kenyataan hemat yang terdapat di dalam ayat:

إِنَّ ٱلَّذِينَ قَالُواْ رَبُّنَا ٱللَّهُ ثُمَّ ٱسۡتَقَٰمُواْ

"Sesungguhnya orang-orang yang berkata Tuhan kami itu Allah. Kemudian mereka berlaku jujur."

(Surah Fusilat: 30)

Kenyataan hemat **"Kemudian mereka tidak ragu-ragu"** (ثم لم يرتابوا) dan **"kemudian mereka berlaku jujur"** (ثم أستقٰموا) yang ditambah ke atas perkataan **"Tuhan kami ialah Allah"** (ربنا الله) menunjukkan adanya perubahan yang dialami hati orang-orang yang beriman setelah ditekan oleh pengalaman-pengalaman yang teruk dan ujian-ujian yang berat, iaitu perubahan yang menimbulkan keraguan, dan kegoyahan. Hati orang yang sebenar beriman akan menempuh berbagai-bagai bala bencana yang boleh menggoncangkan keimanan dalam hidup mereka, tetapi mereka tetap teguh tidak bergoyang, tetap yakin tidak ragu-ragu dan tetap terus jujur, maka dialah orang yang sebenarnya wajar menerima darjat as-Sadiquna ini disisi Allah.

Kenyataan hemat yang sedemikian rupa mengingatkan orang-orang yang beriman kepada bahaya-bahaya kegelinciran di tengah perjalanan supaya mereka membetul dan mengukuhkan pendirian mereka dan berlaku jujur dan tidak ragu-ragu ketika menghadapi ufuk suasana yang gelap gelita atau ketika dipukul angin ribut yang kencang.

Kemudian Al-Qur'an memberitahu orang-orang Arab Badwi itu bahawa Allah lebih mengetahui isi hati mereka dan Dialah yang menceritakannya kepada mereka tanpa menerima maklumat ini dari mereka:

قُلۡ أَتُعَلِّمُونَ ٱللَّهَ بِدِينِكُمۡ وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۚ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٞ ﴿١٦﴾

"Katakanlah: Apakah kamu hendak memberitahu kepada Allah tentang agama kamu (keimanan kamu) sedangkan Allah mengetahui segala isi langit dan segala isi bumi? Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(16)

Manusia mendakwa tahu, sedangkan dia tidak tahu hal dirinya sendiri, tidak tahu perasaan yang berkecamuk di dalam hatinya serrdiri dan tidak memahami hakikat jiwa dan perasaannya. Akal manusia sendiri tidak tahu bagaimana ia bekerja, kerana akal tidak mampu memerhatikan dirinya ketika ia sedang bekerja dan apabila akal memperhatikan dirinya yang sedang bekerja, maka kerjanya akan terhenti dan ketika itu tiada apa lagi yang dapat diperhatikannya, dan sebaliknya apabila akalnya menjalankan kerja-kerja biasanya, maka ia tidak berdaya untuk memperhatikan dirinya dalam waktu yang sama. Kerana itu akal tidak mampu mengenal dirinya sendiri dan bagaimana cara ia bekerja, sedangkan akal itulah alat yang dibangga-banggakan manusia.

وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۚ

"Sedangkan Allah mengetahui segala isi langit dan segala isi bumi."(16)

Allah mengetahui segala hakikatnya bukan hanya sekadar mengetahui kulit luarnya sahaja. Dia mengetahuinya dengan ilmu-Nya yang sempurna yang meliputi segala-galanya tanpa terbatas.

وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٞ ﴿١٦﴾

"Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu,"(16)

Allah Mengetahui dengan Pengetahuan yang Syumul dan Meliputi

Setelah menjelaskan hakikat keimanan yang belum lagi difahami dan dicapai mereka, Al-Qur'an menujukan firman-Nya kepada Rasulullah s.a.w. membicarakan tentang orang-orang Arab Badwi yang membangkit-bangkitkan budi mereka kepada beliau dengan keislaman mereka. Perbuatan membangkit-bangkitkan keislaman mereka itu sendiri menunjukkan bahawa hakikat keimanan itu belum lagi meresap ke dalam hati mereka dan kemanisan keimanan belum lagi dikecapi jiwa mereka:

يَمُنُّونَ عَلَيۡكَ أَنۡ أَسۡلَمُواْۖ قُل لَّا تَمُنُّواْ عَلَيَّ إِسۡلَٰمَكُمۖ بَلِ ٱللَّهُ يَمُنُّ عَلَيۡكُمۡ أَنۡ هَدَىٰكُمۡ لِلۡإِيمَٰنِ إِن كُنتُمۡ

"Mereka merasa mereka telah berbudi kepadamu kerana mereka memeluk Islam. Katakanlah: Janganlah kamu merasa berbudi kepada aku dengan keislaman kamu itu, malah Allahlah yang telah berbudi kepada kamu dengan memimpin kamu kepada keimanan jika benar kamu beriman."(17)

Mereka membangkit-bangkitkan keislaman mereka dan mereka mendakwa telah beriman, lalu datanglah jawapan kepada mereka supaya jangan membangkit-bangkitkan keislaman mereka kerana Allahlah yang telah mengurniakan ni'mat keimanan itu kepada mereka jika benar mereka beriman.

Kini kita berdepan dengan jawapan ini iaitu satu jawapan yang mengandungi satu hakikat yang amat besar yang tidak disedari oleh sebilangan ramai manusia dan mungkin pula tidak disedari oleh setengah-setengah orang yang beriman itu sendiri.

Keimanan itu merupakan ni'mat Allah yang paling agung di antara ni'mat-ni'mat-Nya yang lain yang dikurniakan kepada mana-mana hamba-hamba-Nya, dan ia lebih besar dari ni'mat kewujudan yang dikurniakan kepadanya juga lebih besar dari ni'mat-ni'mat yang ada kaitan dengan kewujudan seseorang seperti ni'mat-ni'mat rezeki, kesihatan, kehidupan dan kesenangan.

Keimanan merupakan ni'mat yang memberikan hakikat yang istimewa kepada kewujudan insan. Keimanan memberikannya satu peranan yang amat besar dalam sistem alam buana ini. Kesan pertama yang diwujudkan oleh keimanan di dalam hati seseorang apabila hakikat keimanan itu bertunjang di dalam hatinya ialah ia mempunyai persepsi yang luas terhadap alam buana yang wujud ini, terhadap hubungan-hubungannya dengan alam buana ini dan terhadap peranannya di dalam alam buana ini, juga ia mempunyai kefahaman yang betul terhadap nilai-nilai, terhadap segala sesuatu, terhadap orang-orang dan terhadap peristiwa-peristiwa di sekelilingnya. Dia meni'mati rasa ketenteraman dalam perjalanannya di alam ini sehingga ia menemui Allah. Dia menaruh perasaan mesra terhadap segala sesuatu di alam buana ini, dan perasaan mesra terhadap Penciptanya dan Pencipta alam buana. Dia menyedari harga diri dan kehormatannya. Dia merasa bahawa dia mampu melaksanakan satu peranan yang luhur yang diredhai Allah dan dapat mewujudkan kebaikan kepada alam dan sekalian penghuninya.

Dari keluasan fahamannya ia dapat keluar dari lingkungan dirinya yang dibatasi zaman dan ruang-ruang atau keluar dari alam dirinya yang kecil dan lemah kepada lingkungan alam buana yang amat luas yang mengandungi aneka tenaga kekuatan yang tersembunyi dan rahsia-rahsia yang tersimpan, dan seterusnya dapat berlepas ke alam yang tiada batas dan sempadan di akhir perjalanannya.

Dia - dari segi bangsanya - adalah seorang dari makhluk yang bernama insan yang berasal dari satu moyang (Adam), dan moyang ini mula-mula mendapat sifat insaniyahnya dari roh Allah iaitu roh dari tiupan Ilahi yang menghubungkan makhluk tanah ini dengan nur Ilahi, iaitu nur yang memancar bebas, tidak dibataskan langit dan bumi, nur yang tiada titik mula dan tiada titik akhir, nur yang tiada batas zaman dan tiada batas ruang. Unsur roh yang bebas tidak terbatas inilah yang telah menjadikan makhluk manusia ini sebagai insan. Apabila persepsi seperti ini tertanam di dalam hati seseorang cukuplah baginya memandang tinggi kepada kemuliaan kejadiannya dan cukuplah baginya merasa terang benderang dan bebas lepas. Kakinya bergerak di bumi, dan hatinya melayang-layang dengan sayap-sayap nur menuju kepada sumber nur yang pertama yang telah mengurniakan kepadanya warna hidup yang seperti ini.

Dia - dari segi kumpulannya - adalah salah seorang dari umat Mu'min, iaitu satu umat yang unik, yang tumbuh dan menjalar di sepanjang zaman dan bergerak dalam satu angkatan yang mulia, yang dipimpin oleh Nuh, Ibrahim, Musa, 'Isa, Muhammad dan sekalian saudara mereka dari para Anbia' a.s. Apabila persepsi yang seperti ini tertanam di dalam hati seseorang, lalu ia merasa dirinya sebagai satu cabang dari pokok yang baik, subur, rimbun, tinggi mengawan, mempunyai akar-akar dan tunjang yang mendalam dan mempunyai dahan-dahan yang menghulur jauh yang sentiasa berhubung dengan Allah di sepanjang hidupnya, maka cukuplah baginya meni'mati perasaan yang seperti ini supaya dalam hidup ini ia mendapat suatu kecapan dan citarasa yang baru dan supaya ia dapat menambahkan kepada kehidupannya suatu kehidupan yang luhur yang diambil dari asal-usulnya yang amat tua itu.

Kemudian kefahaman dan persepsinya semakin luas lagi hingga menjangkau lingkungan-lingkungan dirinya, umatnya dan bangsa manusianya, juga merangkumi seluruh alam buana yang lahir dari ciptaan Allah yang menjadikannya makhluk insan dengan tiupan roh dari-Nya. Seterusnya keimanan memperkenalkan kepada manusia bahawa seluruh alam buana ini adalah makhluk yang hidup yang terdiri dari kejadian-kejadian yang hidup, dan segala sesuatu itu mempunyai roh dan seluruh alam buana ini mempunyai roh, dan seluruh roh itu bertawajjuh kepada Penciptanya Yang Maha Tinggi sama seperti roh manusia bertawajjuh kepada Allah dengan do'a dan tasbih, juga sama seperti manusia menyambut perintah Allah dengan kesyukuran dan keta'atan, dan pulang kepada-Nya dengan patuh dan berserah diri. Kedudukan manusia di dalam entiti alam buana ini adalah seperti kedudukan bahagian dalam keseluruhan, tidak terpisah dan tidak terasing darinya. Ia terbit dari ciptaan Allah, ia bertawajjuh kepada Allah dengan rohnya dan ia pulang kepada Allah pada akhir perjalanannya. Kini nyatalah bahawa manusia yang beriman itu adalah lebih besar dari tubuhnya yang terbatas. Ia adalah sebesar persepsinya terhadap keluasan dan kebesaran alam al-wujud ini. Ia mempunyai hubungan mesra dengan segala roh yang ada di sekelilingnya dan kemudian ia mempunyai

hubungan mesra dengan roh Allah yang menjaga dan memeliharakannya. Dan ketika itu ia merasa bahawa ia mampu berhubung dengan seluruh alam al-wujud ini, dan mampu mengembang panjang dan lebar di alam al-wujud ini, ia mampu membuat berbagai-bagai benda dan mencetuskan berbagai-bagai peristiwa besar, ia mampu memberi kesan kepada segala sesuatu dan mampu menerima kesan darinya. Dan seterusnya ia mampu mengambil kekuatan secara langsung dari kekuatan agung yang telah menciptakannya dan menciptakan seluruh kekuatan dan tenaga di alam al-wujud ini, iaitu kekuatan agung yang tak pernah susut, lemah dan hilang.

Dan dari persepsi yang amat luas ini, manusia mengambil ukuran-ukuran atau neraca-neraca baru yang hakiki untuk menimbangkan segala sesuatu, segala peristiwa, segala individu, segala nilai-nilai, segala minat dan segala matlamat. Dengan persepsi yang luas itu ia dapat melihat peranan hakikinya di alam al-wujud ini dan melihat tugas hakikinya dalam hayat ini dengan sifat-Nya sebagai salah satu perencanaan Allah di alam buana ini yang diarahkan Allah untuk merealisasikan sesuatu yang dikehendaki-Nya di alam buana ini. Dan seterusnya dengan persepsinya yang luas itu ia dapat meneruskan perjalanannya di alam ini dengan langkah yang tetap, dengan mata hati yang terbuka dan dengan dhamir yang mesra.

Dari ma'rifat atau pengenalan manusia terhadap hakikat alam al-wuiud di sekelilingnya, terhadap hakikat peranan yang diberikan kepadanya dan terhadap hakikat tenaga kebolehan untuk melaksanakan peranan itu ia dapat meni'mati rasa ketenteraman, ketenangan dan kegembiraan terhadap segala sesuatu yang berlaku di sekelilingnya atau bertaku kepadanya. Dia tahu dari mana ia datang? Mengapa ia datang? Ke mana ia pergi? Dan apakah yang akan diperolehinya di sana? Dia tahu bahawa dia berada di dunia ini kerana sesuatu urusan, dan segala apa yang berlaku kepadanya telah ditentukan Allah untuk kesempurnaan urusan itu. Seterusnya dia tahu bahawa dunia ini adalah sawah bendang Akhirat dan bahawa segala perbuatannya sama ada kecil atau besar akan mendapat balasan. Dia tahu dia tidak diciptakan sia-sia dan tidak akan ditinggalkan percuma dan dia tidak akan berlalu hilang begitu sahaja.

Dari ma'rifat inilah hilangnya segala perasaan kegelisahan, keraguan dan kesangsiannya dan segala rasa binggung yang lahir dari kejahilan terhadap asal-usul kejadian dirinya dan kesudahan hidupnya, juga rasa bingung yang terbit dari ketidakmampuannya untuk melihat liku-liku jalan yang dijalaninya, juga rasa bingung yang tercetus dari ketiadaan kepercayaan terhadap hikmat yang tersembunyi di sebalik kedatangan dan pemergiannya dari dunia ini dan di sebalik perjalanannya di jalan hayat itu.

Dari ma'rifat ini lenyaplah perasaan yang dirasakan oleh 'Umar al-Khayam yang diungkapkan di dalam sajaknya yang bermaksud:

لبست ثوب العمر لم أستشر * وحرت فيه بين شتى الفكر

وسوف أنضو الثوب عني * ولم أدر لماذا جئت أين المقر؟

Aku pakai baju hidup tanpa berbincang lebih dahulu,
Aku jadi bingung di tengah aneka ragam fikiran,
Lambat laun akan kutinggalkan baju itu dari badan,
Aku tidak tahu mengapa aku datang dan
di mana kesudahannya?

Tetapi seorang Mu'min mengetahui dengan hati yang yakin, dengan dhamir yang tenteram dan dengan jiwa yang riang bahawa dia memakai baju hidup itu dengan perencanaan Allah yang mengendalikan pentadbiran alam al-wujud dengan pengendalian Yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar. Tangan qudrat Allah yang menyalutkan baju itu ke badannya adalah lebih bijaksana dan lebih pengasih dari dirinya sendiri, kerana itu ia tidak perlu berbincang dengan baju hidup itu kerana ia tidak mungkin memberikan sesuatu garis panduan kepadanya sebagaimana yang dapat diberikan Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Melihat itu. Allah menyalutkan baju hidup itu ke badan manusia supaya ia melaksanakan peranan yang tertentu di alam buana ini, di mana dia menerima kesan dari segala apa yang ada di dalamnya dan memberi kesan kepadanya, sedangkan peranan ini adalah selaras dengan segala peranan yang dilaksanakan oleh seluruh makhluk sama ada yang tidak bernyawa atau bernyawa sejak permulaan ia diwujudkan ke alam ini hingga akhirnya.

Jadi, seorang Mu'min itu tahu mengapa ia datang ke dunia ini dan dia juga tahu ke mana kesudahannya. Dia tidak bingung di tengah-tengah aneka ragam fikirannya, malah ia meneruskan perjalanannya dan melaksanakan peranannya dengan tenteram dan yakin. Malah apabila ma'rifat imaniyahnya meningkat lebih tinggi ia dapat meneruskan perjalanannya dan menunaikan peranannya dengan penuh riang dan gembira, kerana ia benar-benar merasa betapa indah dan besarnya kurnia usia atau baju hidup yang diterima dari tangan kemurahan Allah yang Maha Pengurnia, Maha Cantik, Maha Seni, Maha Penyayang dan Maha Pengasih itu, juga pemberian peranan yang besar itu yang akan ditunaikannya itu biar bagaimana sukar sekalipun sehingga ia pulang kembali kepada Tuhannya dengan perasaan penuh rindu.

Juga lenyapnya perasaan yang pernah saya alami di zaman kegelisahan dan kehampaan sebelum saya hidup di bawah bayangan Al-Qur'an dan sebelum Allah S.W.T. membawa saya ke bawah naungan-Nya Yang Maha Pemurah. Itulah perasaan hampa dan kecewa yang disalutkan jiwa saya yang merana ke atas seluruh alam yang saya ungkapkan dalam sebuah sajak saya:

وقف الكون حائراً أين يمضي* ولماذا وكيف لو شاء يمضي

عبث ضائع وجهد غبين* ومصير مقنعٌ ليس يرضى

Alam buana berdiri bingung ke mana
ia akan pergi,
Kenapa dan bagaimana jika ia mahu pergi,
Penat lelah kosong belaka dan semua usaha rugi,
Berakhir dengan kesudahan tetap
yang tidak diredhai.

Pada hari ini - Alhamdulillah - saya mengetahui bahawa tiada satu usaha pun yang rugi dan sia-sia kerana setiap usaha akan dibalas, dan tiada kepenatan yang sia-sia kerana setiap kepenatan itu memberi hasilnya. Kesudahan hidup tetap memberi kepuasan dan ia akan ditentukan di hadapan Allah Yang Maha Adil dan Maha Penyayang. Pada hari ini - Alhamdulillah - saya merasa bahawa alam buana ini tidak lagi berdiri bingung, kerana rohnya beriman kepada Allah, bertawajjuh kepada-Nya dan bertasbih memuji-Nya. Alam buana ini sedang meneruskan perjalanannya mengikut peraturan dan undang-undang yang ditentukan Allah kepadanya dengan patuh, redha dan berserah diri.

Ini merupakan satu keuntungan yang amat besar kepada alam perasaan dan pemikiran di samping merupakan keuntungan yang amat besar kepada alam jasad dan saraf, selain dari itu ia merupakan keuntungan yang besar kepada keindahan bekerja, berusaha, bergiat, menerima kesan dan memberi kesan.

Iman merupakan satu kekuatan pendorong dan tenaga pengumpul atau pengembleng. Sebaik sahaja hakikat keimanan itu bertapak di dalam hati, ia terus bergerak untuk bertindak dan bekerja, dan untuk menegakkan dirinya di alam kenyataan demi menyelaraskan gambaran bathinnya dengan gambaran zahirnya. Iman adalah satu kekuatan yang menguasai segara sumber daya gerak yang ada pada manusia dan dialah yang menolak manusia maju dalam perjalanannya.

"Itulah rahsia kekuatan 'aqidah dalam jiwa manusia dan rahsia kekuatan jiwa dengan 'aqidah. Itulah rahsia mu'jizat-mu'jizat yang telah dilakukan oleh 'aqidah di bumi ini dan masih terus melakukannya setiap hari, iaitu mu'jizat-mu'jizat yang mengubahkan wajah kehidupan manusia dari sehari ke sehari, mu'jizat-mu'jizat yang mendorong individu dan kelompok sanggup mengorbankan nyawa mereka yang fana dan terbatas demi mencapai kehidupan Akhirat yang agung dan tidak fana, mu'jizat-mu'jizat yang membuat segelintir individu yang kecil sanggup menentang kekuatan kuasa, kekuatan harta dan kekuatan besi dan peluru, dan akhirnya seluruh kekuatan itu tewas di hadapan 'aqidah yang kuat berkobar-kobar di dalam jiwa Mu'min itu. Kekuatan yang menewaskan seluruh kekuatan itu bukannya kekuatan individu yang fana dan terbatas, malah itulah kekuatan Ilahi yang agung yang diambil oleh roh individu itu, iaitu kekuatan yang menjadi mata air yang tidak pernah kering, surut dan lemah."[6]

"Mu'jizat-mu'jizat yang dibawa oleh 'aqidah keagamaan dalam kehidupan individu dan kehidupan masyarakat itu bukannya berlandaskan kepercayaan-kepercayaan dongeng yang sukar dimengerti, dan bukannya berasaskan tahyul-tahyul dan khayalan-khayalan, malah ia berasaskan sebab-sebab yang dapat difaham dan peraturan-peraturan dan undang-undang yang tetap mantap. 'Aqidah keagamaan merupakan satu gagasan semesta yang menghubungkan manusia dengan kekuatan-kekuatan alam yang zahir dan tersembunyi dan memantapkan rohnya dengan kepercayaan dan ketenteraman, di samping membekalkannya dengan tenaga kekuatan untuk menentang kekuatan-kekuatan yang fana dan undang-undang yang batil dengan kekuatan keyakinan kepada pertolongan Allah dan dengan kekuatan kepercayaan kepada Allah. Ia memberi pentafsiran tentang hubungan-hubungan individu dengan manusia, peristiwa-peristiwa dan segala sesuatu di sekelilingnya. Ia menerangkan kepada mereka matlamat dan jalan hidup yang sebenar. Ia mengembelingkan seluruh tenaga dan kekuatan manusia di sekitar satu paksi dan menolakkannya menjurus ke satu arah, yang mempunyai matlamat yang terang dan jelas dengan penuh tenaga, kepercayaan dan keyakinan."[7]

Kekuatan 'aqidah itu bertambah kuat lagi dengan sebab ia berjalan mengikut garisan perjalanannya yang tetap yang diikuti seluruh alam buana zahir dan bathin dan dengan sebab seluruh kekuatan yang wujud di alam buana ini adalah menjurus ke arah tujuan keimanan di mana terletaknya titik pertemuannya dengan insan Mu'min dalam perjalanannya dan menggabungkan dirinya dengan angkatan kekuatan-kekuatan alam yang besar itu untuk menegakkan kebenaran dan mengalahkan kebathilan walaupun kebathilan itu mempunyai kekuatan lahir yang amat ketara pada pandangan mata kasar.

Amat benar firman Allah:

يَمُنُّونَ عَلَيْكَ أَنْ أَسْلَمُوا ۖ قُل لَّا تَمُنُّوا عَلَيَّ إِسْلَامَكُم ۖ بَلِ اللَّهُ يَمُنُّ عَلَيْكُمْ أَنْ هَدَاكُمْ لِلْإِيمَانِ إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٧﴾

"Mereka merasa mereka telah berbudi kepadamu kerana mereka memeluk Islam. Katakanlah: Janganlah kamu merasa berbudi kepada aku dengan keislaman kamu itu, malah Allahlah yang telah berbudi kepada kamu dengan memimpin kamu kepada keimanan jika benar kamu beriman."(17)

---

[6] *Dipetik dari bab "العقيدة والحياة" di dalam buku "السلام العالمي والإسلام".*

[7] *Sumber yang sama.*

Keimanan itulah ni'mat agung yang dikurniakan Allah kepada siapa yang layak menerima limpah kurnia ini menurut ilmu-Nya.

Amatlah benar firman Allah itu. Apakah kerugian yang dialami orang yang dapat memahami hakikat-hakikat, kefahaman-kefahaman, konsep-konsep dan perasaan-perasaan keimanan yang dihayatinya di sepanjang perjalanannya di muka bumi, di mana ia meneruskan perjalanannya di bawah naungan dan panduannya? Dan apakah keuntungan yang diperolehi orang yang tidak dapat meni'matinya walaupun ia hidup dalam kemewahan yang melimpah-ruah, makan dan minum dengan bebas seperti binatang-binatang ternakan, malah binatang-binatang ternakan itu lebih mendapat hidayat dari mereka, kerana binatang-binatang itu mengenal iman dengan fitrahnya, dan dengan keimanan inilah ia menuju kepada Penciptanya Yang Maha Mulia.

إِنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ غَيْبَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya Allah mengetahui segala sesuatu yang ghaib di langit dan di bumi. Dan Allah Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu."(18)

Maksudnya, Allah yang mengetahui segala perkara yang ghaib di langit dan di bumi, mengetahui pula segala perkara yang ghaib yang tersembunyi di dalam jiwa dan dhamir manusia, juga mengetahui hakikat-hakikat perasaan-perasaan mereka yang berkecamuk di dalam hati mereka. Dia mengetahui segala apa yang dilakukan manusia menerusi ilmu-Nya bukan menerusi kata-kata yang diucapkan mereka, tetapi menerusi ria' perasaan mereka yang bergelora di dalam hati mereka, juga menerusi tindak-tanduk mereka yang membenarkan apa yang tersemat di dalam hati mereka.

Surah ini adalah satu surah yang amat besar, ia hampir-hampir merupakan satu-satunya surah yang melukiskan ciri sebuah alam atau masyarakat yang luhur, bersih dan sejahtera di samping mendedahkan hakikat-hakikat agung dan menanamkan lunas-lunasnya di lubuk hati manusia dengan hanya menggunakan lapan belas ayat sahaja.

******